

قَتِيقَن تِيَتَه

PETIKAN TITAH

"KEDUA-DUA ini adalah asasi, akan menentukan rebah - bangun negara. Negara yang aman adalah negara yang selesa : selesa untuk berkembang dan membangun. Ditambah lagi kalau ia makmur, akan menjadikannya lebih mudah pula untuk melakar kemajuan. Inilah rahasia keamanan. Kerana itu, adalah menjadi kewajipan utama bagi agensi-agensi yang berkaitan untuk mengambil tanggungjawab penuh terhadapnya. Sementara rakyat pula, hendaklah memberikan kerjasama yang padu." - Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-64 Tahun pada hari Khamis, 3 Syaaban 1431H 15 Julai 2010M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Tahrim ayat 6).

TAHUN 59 / BILANGAN 103

18 OGOS 2014 / 1435 شوال 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



Foto : Mastri Osman

Majlis Persantapan pegawai dan pertubuhan awam beruniform

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Bagi Pegawai-Pegawai Keselamatan dan Pegawai Yang Beruniform serta Pertubuhan-Pertubuhan Awam Yang Beruniform Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 di Istana Nurul Iman. (Berita penuh dan gambar-gambar dimuatkan ke muka surat Sisipan Khas II dan III).

دولت كباو دولي توان قاتيق 68

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Menjunjung keberangkatan raja yang dikasihi

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Bagi Daerah Belait, berlangsung di Padang Bandaran Kuala Belait. (Berita penuh dan gambar-gambar dimuatkan ke muka surat Sisipan Khas I, IV, V dan VI).



Foto : Hamzah Mohidin

Jalankan tugas dengan jujur, ikhlas

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



Muka 4

SISTEM Bru-HIMS dipercepat



Muka 22

PASUKAN Indonesia tersingkir lebih awal

TEMBURONG, Sabtu, 16 Ogos. - Penglibatan aktif semua warga Perkhidmatan Awam dalam menjalankan segala tugas yang diamanahkan diharap dapat dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas di dalam memenuhi tuntutan kerja ke arah merealisasikan hasrat negara untuk membangun dengan pesat dan harmoni.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014 Yang Berhormat Menteri Pembangunan Bersama Warga Jabatan-Jabatan Di Bawah Kementerian Pembangunan, berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok, di sini.

Ke muka 24

Pesta Konvo UBD 2014 dirasmikan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor berkenan menyaksikan pameran pada Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam (UBD) 2014 Sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-26. (Berita penuh dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3).

Negara berkembang dengan baik atas faktor 'keberkatan'

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dapatlah kita meraikan Hari Keputeraan beta pada tahun ini, dalam suasana aman dan sejahtera.

Terlebih dahulu, beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada tetamu-tetamu khas beta yang sudi hadir ke istiadat ini, dan juga kepada semua pihak yang telah menyumbangkan perutusan ucap selamat kepada beta serta keluarga, bersempena dengan perayaan ini.

Sekali lagi pada tahun ini, istiadat perayaan diadakan selepas umat Islam di negara ini selesai menyempurnakan ibadat puasa Ramadan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Alhamdulillah, dengan menyedari akan keberkatan berpegang teguh kepada ugama, maka kita telah dapat meneruskan lagi kehidupan ini dengan penuh selesai serta dengan rancak dapat membangun di bidang-bidang yang diperlukan.

Beta sangat meyakini akan faktor *keberkatan* itu, yang menjadikan Negara Brunei dapat berkembang dengan baik. Di bidang ekonomi, penumpuan adalah sedang diberikan kepada, mempelbagai dan menaikkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi. Ini, termasuklah antara lain, dengan memudahkan kemasukan Pelaburan Langsung Asing dalam pelbagai sektor, memajukan sektor swasta, memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan iklim *pro-business*.

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, beta sangat gembira mengetahui, adanya inisiatif untuk menarik Foreign Direct Investment (FDI) yang berkualiti ke negara ini, yang sudah pun menampakkan tanda-tanda pencapaian awalnya yang positif.

Di sektor hiliran minyak dan gas pula, Pulau Muara Besar kini telah pun mula dimajukan bagi penyediaan tapak projek pembinaan kilang penapisan minyak bersepadu atau *integrated oil refinery* dan industri-industri berkaitan yang menjanjikan banyak peluang pekerjaan.

Sementara itu, sebuah kilang pembuatan ubat atau *pharmaceutical manufacturing plant*, yang bertaraf dunia telah pun siap dibina dan kini sudah mula beroperasi.

Selain itu, sebuah syarikat terkemuka antarabangsa di bidang *simulation training* juga, telah membina Multi-Purpose Training

Centrenya di Brunei Darussalam, sebagai pusat latihan utamanya di rantau ini. Ia juga sudah mula beroperasi.

Bio Innovation Corridor (BIC), seluas 500 hektar untuk menarik pelaburan dalam Penyelidikan dan Pembangunan, R&D, pembuatan dan komersial, adalah merupakan satu lagi sektor berpotensi untuk memantapkan lagi ekonomi serta mampu bagi membuka peluang-peluang pekerjaan secara lebih meluas.

Dalam ekonomi, objektif negara ialah untuk menjadi sebuah 'kuasa ekonomi' yang dinamik, yang mampu untuk menduduki tempat ke sepuluh teratas di dunia dari segi pendapatan per kapita.

Ini bererti, kita adalah dikehendaki untuk meningkatkan pendapatan negara ke tahap BND80 bilion menjelang tahun 2035, berbanding hanya BND20 bilion sahaja ketika ini. Ini juga turut merujuk kepada ekonomi negara supaya ia dapat tumbuh sekitar 5 ke 6 peratus setahun.

Oleh yang demikian, beta berharap supaya semua pihak, sama ada kerajaan mahupun swasta, akan dapat melipatgandakan usaha masing-masing untuk mencapai sasaran ini.

Khusus mengenai peluang pekerjaan pula, mengikut Banci Awal Majikan dan Pekerja 2013, dari seramai 140,000 tenaga kerja di dalam kira-kira 10,000 buah syarikat yang aktif, kira-kira 65 peratus adalah terdiri daripada pekerja asing. Maka sehubungan ini, dengan mengambil kira kadar pengangguran yang ada, kita adalah wajar untuk mempunyai satu dasar pengisian pekerjaan yang seimbang.

Alhamdulillah, sejauh ini kita sudah dapat memenuhi sebahagian dari sasaran untuk mengurangkan pengangguran. Di sektor minyak dan gas sahaja misalnya, sasaran sehingga 2014 untuk memberikan 3,000 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan telah pun hampir tercapai.

Namun begitu, kita juga tidak boleh lepas pandang terhadap peluang-peluang pekerjaan di sektor bukan minyak dan gas. Ke arah ini, kerajaan beta telah memperkenalkan satu dasar baru untuk dilaksanakan secara berperingkat. Dasar itu pada asasnya adalah bertujuan untuk menyeimbangkan di antara pengambilan pekerja tempatan dan pekerja asing, melalui kaedah-kaedah pengawalan tertentu.

Di bidang pendidikan, kerajaan beta sangatlah prihatin terhadap semua sektor pendidikan bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan kesejahteraan di negara ini.

Di antara langkah yang telah dibuat ialah menyediakan satu skim, yang dipanggil Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam, bagi tujuan untuk menarik minat sumber tenaga manusia dari kalangan tenaga akademik yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Beta juga telah memperkenankan satu Perintah Penubuhan Institut Pendidikan Teknikal Brunei selaku peneraju kepada kemajuan pendidikan teknikal dan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-68 Tahun dalam istiadat berlangsung pada 14 Ogos 2014 Masihi.

vokasional.

Ini penting, bagi melahirkan golongan berpendidikan mahir lagi *marketable* sebagai persiapan kita menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang bersifat global yang berteraskan *knowledge-based*.

Satu langkah untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu memenuhi syarat menerima biasiswa, supaya mereka itu dapat melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara, maka beta juga telah memperkenankan satu Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan. Skim ini akan memberikan kemudahan pinjaman kewangan yang *affordable* kepada pelajar-pelajar berkenaan bagi menampung kos pengajian dan sara hidup mereka.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tertentu, khasnya bagi mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik, beta juga telah memperkenankan satu peruntukan tambahan berjumlah BND220 juta untuk tempoh selama tiga tahun, bagi menampung kos mendatangkan tenaga pengajar daripada luar negara bagi mengajar mata-mata pelajaran berkenaan.

Di bidang infrastruktur perhubungan pula, Pelan Induk Pengangkutan Darat telah pun siap disediakan. Selain menyediakan jaringan perkhidmatan jalan raya yang efisien, pelan ini juga mengandungi *blueprint* kemajuan ekonomi di bawah sektor ini.

Ke muka 3

Dari Sidang
Pengarang.

18 OGOS 2014 BERSAMAAN 1435 21 شوال

DASAR BARU DIPERKENALKAN ATASI PENGANGGURAN

USAHA mengurangkan pengangguran merupakan salah satu agenda utama negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus berusaha untuk mengurangkan jumlah pengangguran atau pencari pekerjaan melalui pelbagai cara yang difikirkan perlu bagi menangani keadaan tersebut.

Menurut perangkaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), hasil Banci Penduduk dan Perumahan 2011 mencatatkan seramai 18,815 penganggur pada tahun tersebut. Bagaimanapun berasaskan anggaran terkini, bilangan penduduk yang menganggur dalam kalangan penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur 18 hingga 59 tahun adalah seramai 13,270 orang pada bulan April 2014 dan bilangan itu telah menurun kepada 11,546 pada bulan Mei 2014.

Sementara itu daripada seramai 11,546 orang penganggur pada bulan Mei 2014 tersebut, seramai 7,854 orang tinggal di Daerah Brunei dan Muara, 6,770 terdiri daripada perempuan 5,789 orang berumur di antara 20 hingga 29 tahun dan 8,213 orang mempunyai taraf pendidikan di peringkat menengah.

Pengurangan jumlah pengangguran tersebut adalah hasil daripada inisiatif-inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja Khas Bagi Menangani Isu-Isu Pengangguran terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan. Jawatankuasa khas ini dengan kerjasama pihak swasta telah melaksanakan inisiatif tersebut melalui dua pendekatan utama iaitu dengan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan (employment opportunities) kepada anak-anak tempatan dan melalui pendidikan latihan teknikal dan vokasional.

Usaha mengurangkan pengangguran ini juga mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68, di Istana Nurul Iman pada 14 Ogos lepas.

Menurut titah baginda, Banci Awal Majikan dan Pekerja 2013 daripada seramai 140,000 tenaga kerja di dalam kira-kira 10,000 buah syarikat yang aktif, kira-kira 65 peratus adalah terdiri daripada pekerja asing. Mengambil kira kadar pengangguran yang ada maka adalah wajar untuk mempunyai satu dasar pengisian pekerjaan yang seimbang.

Walaupun sasaran di sektor minyak dan gas untuk memberikan 3,000 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan hampir tercapai sehingga tahun 2014 tetapi baginda menyarankan agar tidak terlepas pandang terhadap peluang-peluang di sektor bukan minyak dan gas.

Ke arah itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan dasar baru untuk dilaksanakan secara berperingkat. Dasar itu pada asasnya bertujuan untuk menyeimbangkan di antara pengambilan pekerja tempatan dan pekerja asing melalui kaedah-kaedah pengawalan tertentu.

Usaha tersebut memerlukan sokongan semua pihak yang berkepentingan. Tidak kurang pentingnya ialah usaha berterusan merubah minda pencari kerja tempatan untuk tidak terlalu memilih pekerjaan. Selain itu pihak majikan di sektor swasta perlu terus membuka peluang pekerjaan dan mengutamakan pengambilan pekerja anak tempatan berbanding pekerja asing, di samping memberikan kadar gaji dan kemudahan-kemudahan yang berpatutan sesuai dengan tuntutan taraf kehidupan masa kini. - **Ketua Penyuntingan (Sa).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyty Haji Arifin
Muhammad Arif Matali

Ketua Penyuntingan

Mohammad Rainie Haji Durani,
Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahaniisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari			
ISNIN	SELASA	RABU	
BANDAR SERI BEGAWAN			
33 °C	24 °C	33 °C	24 °C
MUARA			
33 °C	24 °C	33 °C	24 °C
PEKAN BANGAR			
31 °C	24 °C	32 °C	25 °C
PEKAN TUTONG			
32 °C	24 °C	32 °C	25 °C
PEKAN GERIA			
33 °C	24 °C	33 °C	25 °C
KUALA BELAIT			
32 °C	24 °C	32 °C	25 °C
Wafahuliam Binasawab			
Sumber : Perkhidmatan KajiCuaca Brunei Darussalam Jabatan Penerangan Awam Telefon : 2330142 sambungan 1588/1551 atau Talian Cuaca : 114			

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Pesta Konvo UBD 2014 dirasmikan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan merasmikan Pesta Konvo UBD 2014 Sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-26.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Sabtu, 16 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat merasmikan Pesta Konvo UBD 2014 Sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-26.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Bangunan Sains Berintegrasi, UBD dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, selaku Naib Canselor UBD dan Dekan Hal Ehwal Pelajar UBD, Awang Ahmad Faisal bin Haji Zainal Abidin.

Sejurus keberangkatan tiba, bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Yang

Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal sebagai memulakan majlis.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenaan merasmikan Pesta Konvo UBD 2014 yang bertemakan 'Belia Berwawasan' atau 'Youth With Vision' yang bertujuan untuk menonjolkan para pelajar universiti yang memiliki wawasan ataupun pandangan jauh mengenai perkembangan dan kemajuan universiti, masyarakat dan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya DYTM dijunjung berangkat menyaksikan pameran yang meliputi pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi UBD (PMUBD) yang juga telah menghasilkan beberapa kebolehan, penyelidikan, kreativiti, inovasi dan keusahawanan.

Pada pameran ini, DYTM juga berkenan melancarkan aplikasi baru (mudah alih) UBD yang mengandungi tiga dimensi peta maya yang bertujuan untuk membantu para mahasiswa dan mahasiswi baru sebagai panduan sebelum memasuki kampus.

Selain itu, Fakulti Sains juga mempamerkan beberapa teknologi baru seperti muzium maya dan projek-projek hasil kaji selidik para mahasiswa dan mahasiswi dengan tajuk-tajuk yang signifikan seperti kanser (barah) *biomarkers*, pemuliharaan biodiversiti dan bioteknologi halal.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM juga berkenan menerima pesambah daripada PMUBD dan seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para mahasiswa dan mahasiswi UBD.

Sepanjang pesta konvo tersebut, pelbagai aktiviti turut diatarkan antaranya Majlis Khatam Al-Qur'an dan Doa Kesyukuran, Kempen

Derma Darah UBD, Larian Hijau UBD, Pesta Graduan, di samping beberapa aktiviti lainnya seperti Kempen Kebangsaan dan Pertandingan Klip Video Islam Kreatif yang diusahakan oleh PMUBD, Gild Siswajah serta Pejabat Perhubungan Alumni dan Kemajuan (QARA).

Pesta Konvo 2014 itu diadakan bagi meraikan kejayaan para

mahasiswa dan mahasiswi UBD setelah mengecapi kejayaan sebagai graduan UBD yang penuh bersemangat, nasionalisme dan sentiasa siap siaga kepada cabaran globalisasi.

Pesta tersebut juga mula dibuka bagi kunjungan orang ramai dan para pelajar bermula hari ini hingga 6 September 2014.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menandatangani ke atas potret wajah DYTM.



DYTM disebarkan taklimat mengenai pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi UBD (PMUBD).



DYTM berkenan menyaksikan salah satu pameran sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-26.



BAGI memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Negara berkembang dengan baik atas faktor 'keberkatan'

Dari muka 2

Projek meningkatkan infrastruktur pelabuhan dan memodenisasikan lapangan terbang yang sedang berjalan pada masa ini, akan membuka luas pengkomersialan perkhidmatan-perkhidmatan di bawahnya, bagi menjana lebih banyak lagi peluang perniagaan dan pekerjaan.

Di bidang kesejahteraan, perhatian adalah terus diberikan untuk menangani jenayah. Dalam hal ini, beta ingin mengingatkan mengenai ancaman siber yang berbahaya terutama kepada kanak-kanak.

Kementerian Perhubungan adalah sedang giat merangka kerja-kerja untuk 'Child Online Protection' bagi melindungi kanak-kanak yang menggunakan *internet*, daripada terdedah

kepada pengaruh-pengaruh negatif dan ancaman *cybercrime*.

Mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), insyaaAllah, tidak lama lagi ia akan mempunyai fasiliti khemahnya sendiri di Daerah Temburong. Satu struktur organisasi baru untuknya telah pun beta perkenankan bagi memperkasakan lagi program ini.

Untuk memantapkan segala agenda pembangunan, beta telah memperkenankan penubuhan Majlis Wawasan 2035 yang akan bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara dan Unit Penggerak di Jabatan Perdana Menteri. Peranan utama majlis ini ialah untuk membantu secara insentif dan sistematik pelaksanaan usaha-usaha

agensi-agensi kerajaan beta dalam merealisasikan hasil pencapaian objektif-objektif Wawasan 2035.

Di arena antarabangsa, negara kita akan terus mengekalkan dasar berbaik-baik dan saling hormat-menghormati dengan negara-negara sahabat, di samping mengukuhkan kerjasama di pelbagai bidang dan peringkat, bagi keamanan dan kesejahteraan bersama.

Menyebut perkara keamanan dan kesejahteraan ini, Negara Brunei Darussalam adalah sangat bersimpati terhadap rakyat dan negara Palestin yang sedang diragut keamanan dan kesejahteraan mereka oleh musuh yang tidak berperikemanusiaan. Musuh ini begitu tergamak membunuh kanak-kanak, kaum perempuan, orang tua dan lain-lain warga awam yang tidak berdosa. Mereka juga memusnahkan bangunan, tempat kediaman dan tidak terkecuali rumah ibadat dan sekolah, tanpa mengambil kira, jenayah ini dilakukan dalam bulan suci Ramadan, di mana orang-orang

Islam sedang melaksanakan ibadat puasa.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara, di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga disampaikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di kedua peringkat kebangsaan dan daerah, atas segala khidmat usaha untuk menjayakan perayaan ini.

Beta berdoa semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam akan sentiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan dengan limpah rahmat dan perlindungan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sistem Bru-HIMS dipercepat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan *hamper* dan sumbangan Aidilfitri kepada pesakit kanak-kanak yang menerima rawatan di wad-wad Hospital Suri Seri Begawan.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Khamis, 7 Ogos. - Kementerian Kesihatan sentiasa peka dalam melakukan pelbagai tindakan untuk mengurangkan pelbagai masalah terutama kelambatan pesakit

mengambil ubat di farmasi-farmasi hospital di negara ini.

Salah satu langkah bagi mempercepatkan proses pengambilan ubat ialah melalui Sistem Maklumat

dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam (Bru-HIMS) yang diperkenalkan pada tahun lepas.

“Dengan penggunaan sistem Bru-HIMS, pesakit-pesakit tidak perlu menunggu lama dan beratur panjang mengambil ubat. Mereka boleh memberikan preskripsi kepada pihak farmasi dan mengambil ubat kemudian,” jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Menteri Kesihatan juga menyatakan dengan sistem Bru-HIMS, para doktor dapat menganalisis catatan rekod sejarah pesakit.

“Kita perlu memahami, pesakit yang kronik pada misalannya mereka kadang-kadang memerlukan sembilan jenis ubat. Sebelum ubat-ubat diserahkan kepada pesakit, doktor dan pihak farmasi perlu memastikan ubat-ubat yang hendak diberikan sesuai dan mengikut dos yang disarankan,” ungkap Yang Berhormat.

“Ini adalah salah satu daripada percubaan yang saya anggap sebagai

satu kejayaan di Negara Brunei Darussalam, sistem Bru-HIMS dapat diintegrasikan dan digunakan di seluruh pusat kesihatan dan hospital di negara ini. Alhamdulillah saya berpuas hati dengan pencapaian para doktor dan profesional kesihatan yang sudah dapat membiasakan diri dengan sistem Bru-HIMS,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat memberitahu demikian kepada pihak media dalam Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian *Hamper*, Hadiah Bagi Pesakit dan Warga Hospital Suri Seri Begawan dan diteruskan dengan penyampaian *hamper* dan sumbangan kepada pesakit-pesakit di wad, pesakit-pesakit kebajikan perubatan serta kanak-kanak berkeperluan khas hospital berkenaan.

Sebelum penggunaan sistem Bru-HIMS diperkenalkan, orang ramai terutama pesakit merungut kerana lama menunggu giliran untuk mengambil ubat, ada yang menunggu sehingga dua tiga jam baru nombor giliran mereka dipanggil.

Di majlis tersebut sebanyak 215 bungkusan *hamper* Aidilfitri telah disediakan untuk diagihkan kepada pesakit kanak-kanak yang sedang menjalani rawatan. Bungkusan

hamper tajaan Syarikat Borneo United disampaikan sendiri oleh Pengarah Urusan Syarikat, Stanley Lim Hock Ghim kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah telah menyempurnakan majlis dan menyampaikan sumbangan.

Dengan adanya majlis tersebut, para pesakit yang berada di wad-wad juga tidak ketinggalan menikmati suasana berhari raya walaupun sedang menjalani rawatan di hospital dan tidak dapat meraikan Hari Raya bersama keluarga di rumah ataupun di kampung.

Di samping itu, sumbangan yang diberikan juga akan dapat membantu memeriahkan lagi sambutan Hari Raya bagi kanak-kanak berkeperluan khas serta pesakit-pesakit di bawah Bahagian Kebajikan Perubatan Hospital berkenaan.

Hadir sama Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Pengarah, Pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan dan ketua-ketua bahagian hospital tersebut.

Kongsi usaha hasilkan bahan nano dua dimensi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Inovasi merupakan keutamaan kepada kejayaan dalam kebanyakan industri iaitu dalam bahan sains dan kejuruteraan dapat mewujudkan banyak peluang untuk kemajuan bahan seperti Graphene dan bahan dua dimensi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Ali bin Haji Apong semasa Seminar Graphene dan Bahan Dua Dimensi Nano, di sini.

Menurut Yang Mulia Dato Paduka, bahan seumpamanya menunjukkan penggunaan yang boleh mengubah produk-produk berteknologi tinggi serta pembuatan sel-sel solar dan komponen elektronik yang membantu perkembangan prestasi perkomputeran.

Beliau yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

(LKEB) berkata, peluang-peluang bagi inovasi sering didedahkan apabila kemunculan dari satu bidang diaplikasikan kepada satu-satu masalah dalam bidang yang berlainan.

Graphene merupakan teknologi yang muncul yang memberikan peluang dalam pelbagai bidang di negara ini.

Timbalan Menteri di JPM juga menggesa pihak berkepentingan yang berkaitan di negara ini berkerjasama dalam menawarkan persekitaran yang kondusif serta menyokong dasar kewangan, sumber tenaga manusia dan akses pasaran.

Majlis disusuli dengan pembentangan kertas kerja oleh Ketua Jabatan Epitaxy, Institusi Teknologi Bahan Elektronik (ITME) Poland, Dr. Wlodzimierz Strupinski yang mengongsikan usaha penyelidikan institut berkenaan serta peluang-



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei semasa menyaksikan Majlis Menandatangani MoU antara Syarikat Soartach Systems Sendirian Berhad dengan Institusi Teknologi Bahan Elektronik (ITME) Poland.

peluang dalam pembuatan bahan Grafen dan bahan nano dua dimensi.

Kemudian diteruskan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Syarikat Soartach Systems Sendirian Berhad dengan ITME bagi penyelidikan dan pembinaan pembuatan bahan bekalan yang disaksikan oleh Yang Mulia Dato

Paduka Haji Awang Ali.

Menandatangani bagi pihak Syarikat Soartach Systems Sendirian Berhad, Konsulat Poland di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Awang Haji Adam Leslie bin Abdullah sementara ITME diwakili oleh Dr. Wlodzimierz Strupinski.

Usaha sama itu mengusulkan bagi penubuhan sebuah kemudahan yang

akan menghasilkan bahan-bahan nano dua dimensi di negara ini serta menjalankan penyelidikan dan perkembangan Graphene dalam negara.

Seminar yang berlangsung di Radisson Hotel di ibu negara dianjurkan oleh Konsulat Republik Poland di Negara Brunei Darussalam dan disokong oleh LKEB.

BND2,430,000 diperuntukkan bagi blok tambahan SUPAPHSB



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menyempurnakan Majlis Mendirikan Tiang Seri Blok Tambahan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah (SUPAPHSB), Berakas.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Sabtu, 9 Ogos. - Sebanyak BND2,430,000 telah diperuntukkan bagi pembinaan blok tambahan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah (SUPAPHSB) yang akan memuatkan beberapa buah bilik darjah dan

kemudahan-kemudahan lain bagi kesesuaian warga sekolah itu nanti.

Majlis Mendirikan Tiang Seri blok tambahan sekolah tersebut berlangsung di Tapak Pembinaan sekolah berkenaan dan telah disempurnakan oleh Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Antara kemudahan-kemudahan yang akan terdapat dalam pembinaan blok itu ialah lapan buah bilik darjah yang mana sebuah bilik darjah boleh memuatkan seramai 25 pelajar, dewan serbaguna yang boleh menampung seramai 250 orang serta bilik pentadbiran, bilik guru besar dan bilik penolong guru besar.

Di samping itu, juga terdapat kemudahan lain seperti kawasan baru bagi tempat letak kereta, bilik pelawat, bilik VIP, bilik persidangan, bilik kaunseling, perpustakaan, stor, bilik persalinan lelaki dan perempuan, tempat berwuduk lelaki dan perempuan serta tandas bagi lelaki dan perempuan.

Pembinaan blok tambahan yang dijangka akan siap pada 11 Jun 2015 tersebut dikendalikan oleh Pemborong

Utama iaitu W.W & Jesi Co. Sendirian Berhad dan diselenggarakan bersama oleh Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Selain itu, pembinaan blok tersebut juga turut dikendalikan oleh beberapa kumpulan projek lain iaitu Awang Matzainin bin Haji Bakar, selaku Arkitek Projek; Jurutera Sivil dan Struktur dikendalikan oleh Awang Nizam bin Mat Saad; Jurutera Mekanikal dan Elektrikal oleh Suresh Jegannathan, sementara Juruukur Bahan dikendalikan oleh

Roland Quilantang Cunanan.

Tujuan utama penambahan bangunan tersebut adalah untuk menampung kepadatan pelajar yang semakin bertambah memasuki persekolahan agama di kawasan ini, di samping dapat memberikan kemudahan yang lebih kondusif kepada warga sekolah, di mana jumlah keramaian pelajar di sekolah berkenaan adalah sekitar 800 orang pelajar bagi sesi petang dan seramai 274 orang pada sesi pagi.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diberikan taklimat oleh pegawai bertugas mengenai blok tambahan SUPAPHSB, Berakas (kanan).

KHEDN adakan bacaan Ratib Al-Attas

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun telah mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas di Surau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), di sini.

Majlis yang bersempena dengan Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke daerah-daerah bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah-daerah itu turut diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi

Jawatankuasa Kebangsaan.

Majlis seumpama itu adalah bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala rahmat, nikmat, keselamatan, keberkatan dan kelancaran bagi majlis-majlis dan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun yang akan diadakan di seluruh negara.

Juga hadir dalam majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan; Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan; Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap KHEDN; Timbalan Setiausaha Tetap-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; Timbalan-timbalan Ketua Jabatan KHEDN dan jabatan-jabatannya serta para jemputan.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (lima dari kanan), selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ketika membaca Ratib Al-Attas sempena dengan persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Daerah-Daerah Bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk.

Pastikan murid Darjah VI Khatam Al-Qur'an

TEMBURONG, Isnin, 11 Ogos. - Seramai 90 murid Darjah VI sekolah-sekolah agama Daerah Temburong diraikan dalam Majlis Khatam Al-Qur'an, berlangsung di Dewan Sekolah Persediaan Arab Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang juga mendahului menabur bunga rampai dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta khatam.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diketuai oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan bacaan Surah Adh Dhuhaa hingga Surah An Naas oleh para peserta khatam.

Setelah itu bacaan takhtim dibacakan oleh guru-guru perempuan sekolah-sekolah agama di daerah ini diikuti dengan bacaan doa khatam oleh Ampuan Mohamad Jalalludin bin Ampuan Ali, salah seorang peserta khatam dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkiah.

Majlis Khatam Al-Qur'an bagi murid-murid Darjah VI sekolah-sekolah agama Daerah Temburong merupakan sebahagian daripada



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad (empat dari kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat Majlis Khatam Al-Qur'an Darjah VI Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Temburong.

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

projek tahunan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertujuan bagi menggalakkan murid-murid sentiasa mengamalkan pembacaan Al-Qur'an dengan bacaan yang betul dan lancar.

Majlis seumpamanya juga bertujuan memastikan murid-murid

Darjah VI dapat mengkhatamkan bacaan Al-Qur'an sebelum mereka meninggalkan/menamatkan Darjah VI sekolah agama, di samping mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara ibu bapa, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengendalikn majlis keagamaan di sekolah-sekolah.

139 murid Darjah VI sertai Majlis Khatam Al-Qur'an

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SERUSOP, Selasa, 12 Ogos. - Seramai 139 murid Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Serusop, Kawasan Brunei II 'A' menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Murid-Murid Darjah VI Tahun 1435 Hijriah bersamaan 2014 Masihi.

Daripada jumlah tersebut 46 orang murid belajar pada sesi pagi dan 93 murid sesi petang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Zulkifli bin Penglima Askar Dato Paduka Haji Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan surah ayat-ayat lazim bermula dari Surah Adh Dhuhaa hingga Surah Al-Masad oleh para peserta khatam.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa khatam Al-Qur'an oleh salah seorang peserta, Awang Mohammad Nabih bin Haji Ibrahim.

Antara matlamat majlis tersebut ialah untuk menggalakkan murid-murid sentiasa membaca Al-Qur'an dengan baik dan lancar, di samping dapat mengkhatamkan Al-Qur'an sebelum mereka meninggalkan/menamatkan Darjah VI di persekolahan agama.

Selain itu ia juga diharap dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara ibu bapa, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengunggakayahkan majlis-majlis keagamaan di sekolah.



PENGARAH Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Zulkifli bin Penglima Askar Dato Paduka Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis Bertahlil JHEM di Kubah Makam Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Ogos. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Unit Belia, Bahagian Imarah dengan kerjasama pejabat-pejabat hal ehwal masjid dari keempat-empat daerah serta imam-imam masjid mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Doa Arwah Bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja Sempena Hari Raya Aidilfitri.

Hadir sama mengepalai rombongan tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Awangku Mohammad Muizzuddin bin Pengiran Suhaili.

Manakala bacaan tahlil serta doa tahlil dipimpin oleh Awangku Hassan Basri bin Pengiran Haji Ismail dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Taufiq bin Haji Abdul Rahman.

Majlis antara lain bertujuan untuk menerapkan sifat taat dan hormat kepada pemimpin, selain melatih para ahli kumpulan belia masjid untuk terus aktif dalam aktiviti keagamaan, di samping untuk menambah keyakinan



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa mengetuai rombongan ke Majlis Bertahlil.

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

mereka dalam bergaul bersama pihak jabatan.

Pada akhir majlis, rombongan meneruskan acara dengan

mengunjungi kediaman Menteri Hal Ehwal Ugama di Kampung Jangsak untuk majlis beramah mesra sempena dengan Hari Raya Aidilfitri.

Semarak Aidilfitri terus bergema

Kementerian Kesihatan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Isnin, 11 Ogos. - Meskipun terpaksa menerima rawatan di wad pesakit ketika umat Islam bergembira pada bulan Syawal ini, namun sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi para pesakit di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM) tetap bermakna kepada mereka.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi para pesakit tersebut diceritakan lagi dengan kehadiran Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan Datin yang juga menyerahkan *hamper* sempena Hari Raya Aidilfitri di wad-wad perempuan, pediatrik, renal dan wad lelaki.

Penyerahan *hamper* tersebut disempurnakan pada sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri

bersama Menteri Kesihatan di Hospital PIHM, Pekan Bangar, di sini.

Semasa sambutan tersebut Menteri Kesihatan berpeluang beramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Perkhidmatan Perubatan (JPP) dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (JPK) yang diharap akan dapat mengukuhkan silaturahim sesama mereka.

Juga hadir ialah ketua-ketua pengarah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan di bawah JPP dan JPK Daerah Temburong.

Majlis diserikan dengan persembahan ahli-ahli jawatankuasa sambutan serta pegawai dan kakitangan JPP dan JPK Daerah Temburong dengan mendendangkan lagu-lagu bertemakan Hari Raya.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyerahkan *hamper* sempena Hari Raya Aidilfitri kepada salah seorang pesakit yang menerima rawatan di Hospital PIHM.

Bank Islam Brunei Darussalam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhamamad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Selasa, 12 Ogos. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi terasa kemeriahannya meskipun kini sudah masuk minggu kedua ia diraikan di negara ini.

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan 'Majlis Gema Syawal' khusus bagi pelanggan-pelanggannya termasuk rakan-rakan kongsi bank tersebut, berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Royal Brunei Polo & Riding Club, di sini.

Acara tahunan yang menyediakan pelanggan dan rakan kongsi BIBD terdiri daripada sektor kerajaan, korporat, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan orang perseorangan itu memberi peluang kepada mereka untuk bertemu dan beramah mesra

dengan kakitangan BIBD daripada semua jabatan dan bahagian perbankan.

Di samping menikmati pelbagai jenis jamuan yang dihidangkan, para kakitangan BIBD yang hadir dengan pakaian kebangsaan dan fesyen berwarna-warni mengalu-alukan para jemputan mereka ke majlis tersebut seterusnya mengambil peluang untuk mengukuhkan lagi ikatan yang sedia ada dengan rakan-rakan kongsi mereka.

Majlis dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Kewangan BIBD dan Timbalan Pengarah Urusan, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman dan ahli-ahli kakitangan BIBD yang lain.



KETUA Pegawai Kewangan dan Timbalan Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman bergambar ramai bersama sebahagian daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah termasuk ahli-ahli kakitangan BIBD.

Jabatan Perdana Menteri



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos ketika menyempurnakan penyerahan Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin kepada Dayang Rohayah binti Abd. Wahid @ Chandu anak WA/Wah.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 12 Ogos. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Dayang Rohayah binti Abd. Wahid @ Chandu anak WA/Wah serta keluarganya pada tahun ini jauh lebih bermakna kerana meraikan hari kemenangan umat Islam itu di rumah baru mereka.

Setelah bertahun-tahun tinggal di rumah usang mereka, Dayang Rohayah tahun ini meraikan hari raya Aidilfitri di rumah baru yang dibina di bawah Projek Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin.

Penyerahan sijil rumah bantuan tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, berlangsung di Kampung Selangan, Mukim Labu, di sini.

Pada majlis itu Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan KKBS) juga menghulurkan bantuan berupa barang keperluan harian, disempurnakan oleh Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat, Haji Awang Ahad bin

Haji Hassan.

Antara yang hadir dalam majlis itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Pembinaan rumah bantuan jenis bertiang dengan empat buah bilik itu diungkapkan di bawah satu jawatankuasa yang diselenggarakan oleh JPM bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama, KKBS dan Kementerian Pembangunan dengan dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui Kumpulan Wang Zakat.

Inisiatif bantuan perumahan sedemikian menunjukkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan masyarakat yang memerlukan bantuan bagi memberikan kehidupan yang lebih selesa dan sempurna kepada penerima-penerima bantuan dan ahli keluarga mereka.

Semarak Aidilfitri terus bergema

Kementerian Kewangan

Oleh : Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Awang Junaidi bin Haji Masri menyatakan, majlis sambutan Hari Raya Kementerian Kewangan itu dapat dijadikan sebagai platform untuk mengeratkan dan mengukuhkan lagi setiap warga kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Beliau selaku Pengerusi majlis melahirkan keyakinan majlis berkenaan juga akan dapat mewujudkan lagi sikap kerjasama dan tolong-menolong dalam suasana yang muhibah dalam kalangan kementerian berkenaan.

Majlis kendalian Kementerian Kewangan dan

jabatan-jabatan di bawahnya berlangsung di Indah Hall, Royal Brunei Recreation Club, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, di sini.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Datin hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis.

Tetamu kehormat juga menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang 2014 kepada seramai lapan orang pegawai dan kakitangan kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya dan disusuli dengan penyampaian cenderahati bagi pesara-pesara 2014 kepada



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Datin ketika hadir pada majlis tersebut. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

27 orang penerima.

Yang Berhormat seterusnya mengunjungi gerai-gerai makanan serta pameran pencuci mulut yang di pertandingkan oleh warga kementerian tersebut dan

jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis yang dikelolakan oleh BIA itu diserikan dengan persembahan nyanyian berkumpulan dan klip video Hari Raya yang dibawakan oleh warga kementerian tersebut dan

jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Setiausaha-setiausaha Tetap,

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pegawai Daerah Belait



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan isteri bergambar dengan Penghulu Mukim Seria dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Serikandi Sdn Bhd dan isteri.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Selasa, 12 Ogos. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus disambut meriah dengan adanya rumah-rumah terbuka.

Kunjungan sanak saudara yang jauh mahupun yang dekat dan rakan taulan yang telah lama terpisah dan tidak berjumpa, akan menjalin semula ikatan muhibah dan menambah eratkan lagi kemesraan di hari lebaran ini.

Bersempena Hari Raya yang mulia ini, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan isteri tidak ketinggalan mengadakan rumah terbuka di kediaman rasmi beliau di Jalan Maulana, di sini.

Pegawai Daerah dan isteri menerima kunjungan daripada rakyat dan penduduk dari

pelbagai peringkat termasuk anak-anak yatim dan anak-anak kurang upaya, persatuan-persatuan, syarikat-syarikat swasta, dewan-dewan perniagaan, pegawai dan kakitangan cawangan jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Belait, serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait.

Pada kunjungan itu, Pegawai Daerah Belait telah berkesudian menerima cek sumbangan dari Dewan Perniagaan Tionghua Daerah Belait bagi Tabung Amal Daerah Belait berjumlah BND1,000 yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua Dewan, Yang Dimulihkan Pehin Bendahari China Onn Siew Siong.

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 9 Ogos. - Syawal bulan yang mulia, ia juga sangat bermakna bagi Orang-orang Berkeperluan Khas terutamanya mereka yang berada di Pusat Bahagia Eric Goh, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Cawangan Daerah Belait.

Setiap tahun mereka akan diraikan dengan meriah di Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang disumbangkan oleh 'Eric Goh Kait Yong Trust Fund' di Pusat berkenaan.

Tahun ini, seramai 117 Orang Berkeperluan Khas (OBK) di pusat itu terdiri daripada Pelatih Latihan Industri, Pelatih Pusat Latihan Pekerjaan OBK, murid-murid dan murid pemulih dalam komuniti serta pelatih seliaan di raihan.

Penolong Pengarah OBK, Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahad bin Haji Hassan hadir selaku tetamu kehormat. Turut hadir Jake Goh Kiat Hing selaku wakil bagi menyampaikan dana sumbangan Eric Goh Kait Yong.

Juga hadir pegawai-pegawai daripada JAPEM, pegawai-pegawai dari Syarikat GHK Motors Sdn Bhd, ibu bapa dan penjaga murid serta sukarelawan.

Mereka yang hadir dihiburkan dengan persembahan tarian dan nyanyian oleh warga OBK pusat tersebut dan kemuncak acara penyampaian sumbangan derma Hari Raya kepada mereka yang diraikan disampaikan oleh Jake Goh Kiat Hing dan seterusnya acara beramah mesra bersama warga di pusat berkenaan.



PENOLONG Pengarah Orang Berkeperluan Khas (OBK), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahad bin Haji Hassan semasa bergambar ramai bersama OBK, pegawai-pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, Syarikat GHK Motors Sdn Bhd, para ibu pada dan penjaga murid serta sukarelawan.

Semarak Aidilfitri terus bergema

PPKK rapatkan jalinan silaturahmi



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Hanafiah ketika hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) Kementerian Kesihatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Pengerusi Majlis Sambutan Hari Raya 2014 Pusat Perkembangan

Kanak-Kanak (PPKK) di keempat-empat daerah, Konsultan Pediatrik, PPKK, Dr. Hajah Mawarni binti

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

Haji Abd. Hamid berkata, Aidilfitri merupakan masa memperbaharui dan merapatkan jalinan silaturahmi yang sedia ada, di samping meningkatkan lagi kerjasama di antara para pegawai dan kakitangan pusat tersebut bersama kanak-kanak PPKK serta ibu bapa dan penjaga serta para profesional yang terlibat.

Tambahnya, acara tahunan PPKK yang diharap akan mewujudkan hubungan yang baik dan persefahaman antara kedua-dua belah pihak dalam memastikan penjagaan dan perkembangan yang terbaik bagi kanak-kanak pusat berkenaan.

Seramai 250 kanak-kanak di bawah jagaan PPKK di keempat-empat daerah diraikan pada Majlis Sambutan

Hari Raya bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, petang tadi, di sini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan Isteri, Datin Paduka Hajah Salmah binti Hanafiah hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut.

Majlis anjuran PPKK tersebut turut diserikan dengan beberapa persembahan hiburan dan nyanyian yang dibawakan oleh guru-guru dan kanak-kanak PPKK dan juga persembahan Tausyeh oleh mahasiswa dan mahasiswi dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Timbalan Setiausaha



KONSULTAN Pediatrik, PPKK, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abd. Hamid semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya PPKK Kementerian Kesihatan.

Tetap, Kementerian Kesihatan, Ketua-Ketua Pengarah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan serta ibu bapa kanak-kanak yang diraikan.

Rai pengamal media pada sambutan Aidilfitri

Berita dan Foto : Aimi Sani



PARA pengamal media dari pelbagai agensi, pegawai-pegawai dari Unit Perhubungan Awam dari jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian semasa bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor pada Majlis Sambutan Hari Raya tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Para pengamal media dari pelbagai agensi, pegawai-pegawai dari Unit Perhubungan Awam dari jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian serta pegawai-pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dirai pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Majlis anjuran Unit Perhubungan Awam PDB turut dihadiri Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor itu berlangsung di Bangunan UPA, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Ketua Unit Perhubungan Awam PDB, Penolong Penguasa Polis, Awang Haji Mohamad Noor bin Haji

Abdul Rahman semasa ditemu bual PELITA BRUNEI berkata, majlis yang merupakan acara tahunan unit berkenaan bertujuan untuk mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan para media dan pegawai-pegawai dari Unit Perhubungan Awam yang lainnya.

Di samping itu, ia juga memberi kesempatan kepada mereka yang hadir untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Juga hadir ialah pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota PDB.

Sambutan Hari Raya eratkan silaturahmi

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

LUMUT, Khamis, 13 Ogos. - Aidilfitri memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi ikatan silaturahmi yang sedia terjalin.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Brunei Metanol Sendirian Berhad (BMC), Awang Daud bin Haji Jais berharap amalan yang baik itu dapat diteruskan sepanjang masa sehingga menjadi amalan kita yang kekal.

"Kita perlu terus mengekalkan semangat muhibah dan permuafakatan seperti yang diterapkan di dalam Wawasan 2035, kerana inilah yang menjadi tunjang kekuatan kita untuk terus kekal hidup aman dan makmur," jelas Awang Daud di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri BMC bersama Komuniti Mukim Liang di Dewan Serbaguna SPARK, di sini.

Setiausaha Tetap (Industri Hulan) di Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin hadir selaku tetamu kehormat.

Awang Daud seterusnya berharap, selepas menyambut hari perayaan semua yang hadir dapat meneruskan dengan lebih giat lagi usaha-usaha untuk meningkatkan lagi aktiviti aktiviti seperti ini untuk mencapai misi



SETIAUSAHA Tetap (Industri Hulan) di Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin beramah mesra dengan Pegawai Daerah Belait dan Penghulu Mukim Liang yang hadir sama dalam majlis berkenaan.

menjadi sebuah negara yang maju dan harmoni.

"Pada hari ini, kita berada di minggu ketiga di bulan Syawal. Di samping bergembira bersama keluarga, saya berharap kita akan teruskan tradisi kunjung-mengunjungi ke rumah-rumah terbuka bagi mengeratkan lagi silaturahmi di antara kita dengan juga saya hendak mengingatkan untuk berhati-hatilah di jalan raya," ungkapnya.

"Saya doakan agar perjalanan anda semua selamat sampai ke destinasi. Di

samping itu, saya juga ingin menasihatkan agar anda semua menjaga kesihatan diri, kerana kesihatan merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang amat berharga," nasihat beliau.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Komuniti Mukim Liang kali kelima pada tahun ini dan dihadiri sama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad dan Yang Berhormat Awang Haji Md. Yusoff bin

Haji Dulamin, Pegawai Daerah Belait, Haji Haris bin Haji Othman dan pegawai-pegawai kerajaan dan ketua-ketua kampung.

Juga hadir agensi-agensi swasta, orang awam dan kanak-kanak istimewa dari Pusat Bahagia Eric Goh dan SMARTER Cawangan Daerah Belait.

Sambutan Hari Raya merupakan aktiviti tahunan syarikat sebahagian tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahmi sesama masyarakat tempatan dan mencirikan

sambutan Hari Raya yang penuh muhibah.

Jemputan yang hadir dihiburkan dengan persembahan pentas daripada kakitangan syarikat dan penduduk kampung, di samping pameran makanan tradisi yang disediakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Liang.

Selain itu, jemputan juga disajikan dengan pelbagai menu dan juadah tradisional dan moden seperti ketupat, lemas, sate, kambing panggang, nasi, lauk pauk, mee goreng dan juga hidangan lain yang menyelerakan.



ANTARA komuniti Mukim Liang yang hadir pada Majlis Raya Aidilfitri Syarikat Brunei Metanol Sendirian Berhad (BMC).

Menjunjung keberangkatan raja yang dikasihi

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Ahad, 17 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun pada tahun ini ke majlis ramah mesra sangat dinantikan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di daerah ini bagi merafakkan sembah ucapan selamat Hari Keputeraan dan junjung ziarah ke hadapan raja yang begitu dikasihi dan dikagumi.

Baginda, seorang raja yang berjiwa rakyat sanggup turun padang dalam apa jua keadaan cuaca sekalipun untuk menemui rakyat jelata yang berbilang bangsa dan etnik tanpa mengira darjat dan kedudukan mereka, baginda menerima junjung ziarah dengan wajah yang riang.

Keberangkatan baginda berserta kerabat diraja di Helipad, Jalan Maulana dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai Daerah Belait.

Ke muka IV dan V




MAJLIS Persantapan pegawai dan pertubuhan awam beruniform

Muka II dan III



Majlis Persantapan pegawai dan pertubuhan awam beruniform



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohiddin,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Bagi Pegawai-Pegawai Keselamatan dan Pegawai Yang Beruniform serta Pertubuhan-Pertubuhan Awam Yang Beruniform Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Dalam majlis tersebut, baginda berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada para pegawai dan anggota pasukan beruniform terdiri daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Unit Simpanan Gurkha, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Laut, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Penjara.

Ke muka III



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama anggota-anggota pasukan beruniform.



JUGA berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Bagi Pegawai-Pegawai Keselamatan dan Pegawai Yang Beruniform serta Pertubuhan-Pertubuhan Awam Yang Beruniform.



KEBAWAH DYMM dan DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah para pegawai beruniform dan pertubuhan-pertubuhan awam yang beruniform. Juga berangkat pada sepanjang majlis junjung ziarah itu ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



BERANGKAT sama ialah DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Dari muka II

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah ahli-ahli pertubuhan sukarelawan antaranya terdiri daripada Kadet ABDB, Kadet PDB, Kadet Bomba dan Penyelamat, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah dan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, para perwakilan asing ke negara ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



ANTARA jemputan yang hadir dalam Majlis Persantapan Bagi Pegawai-Pegawai Keselamatan dan Pegawai Yang Beruniform serta Pertubuhan-Pertubuhan Awam Yang Beruniform Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 di Istana Nurul Iman (kiri), manakala gambar kanan, bagi memberkati majlis, bacaan doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kanan).

Menjunjung keberangkatan raja yang dikasihi

Foto : Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

Dari muka I

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan paduka-paduka adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja yang lainnya.

Di tepi-tepi jalan bermula dari kawasan Helipad hingga di kawasan Dewan Santap dan jalan menuju ke Padang Bandaran, murid-murid sekolah Arab, rendah kerajaan dan swasta berbaris memegang bendera kecil Negara Brunei Darussalam untuk mengalu-alukan keberangkatan baginda dan kerabat diraja sambil mengibarkan bendera tersebut serta melambaikan tangan mereka.

Di jalan masuk Padang Bandaran pula, barisan murid-murid sekolah rendah memegang bunga manggar dan paluan hadrah bergema sebaik sahaja baginda berserta kerabat diraja berangkat tiba.

Keberangkatan tiba baginda berserta kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' bergema sebaik sahaja baginda berserta kerabat diraja berangkat di Pentas Diraja dan diikuti tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' oleh barisan penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan peserta-peserta persembahan khas yang diketuai oleh Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Abu Bakar.

Pegawai Daerah Belait kemudian merafakkan sembah kesyukuran dan taat setia ke hadapan majlis baginda.

Baginda berserta kerabat diraja dijunjung bagi menyaksikan persembahan khas, berbentuk sketsa bertemakan 'Kekal Beraja Sejahtera Negara'.

Persembahan khas tersebut dibawakan oleh 668 peserta terdiri daripada 583 terdiri daripada tunas-tunas bangsa meliputi pelajar-pelajar maktab, sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan dan swasta termasuk 85 pegawai dan kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Syarikat BLNG.

Peserta-peserta persembahan membuat olah gerak yang diiringi dengan sajak, muzik, lagu dan koir yang menggambarkan perpaduan rakyat dan penduduk kesemua mukim dan kampung di daerah ini khususnya dan di kesemua mukim dan kampung di keempat-empat daerah pada keseluruhannya bersatu taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan raja yang dikasihi, menjunjung dan mendukung serta mempertahankan negara tercinta untuk kekal selamanya dipimpin oleh raja.

Sejurus selepas persembahan khas, baginda berserta kerabat diraja dijunjung berangkat bagi menerima junjung ziarah dimulai dari Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi diikuti jawatankuasa peserta-peserta persembahan khas dan seterusnya rakyat dan penduduk Daerah Belait.

Keberangkatan baginda bercemar duli ke Daerah Belait dan daerah-daerah lain sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda memberi makna yang amat mendalam dan membuktikan akan keprihatinan serta kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Seperti kelaziman, Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah tidak ada batasan antara raja dan rakyat. Ini mungkin atau tidak pernah berlaku di negara-negara lain yang mana jalinan mesra dan akrab di antara raja dengan rakyat menimbulkan kekaguman dalam kalangan pelancong asing yang kebetulan bertandang ke daerah ini.

Selesai junjung ziarah, baginda dan kerabat diraja dijunjung berangkat ke Majlis Santap di Dewan Santap berhampiran Kediaman Rasmi Pegawai Daerah.

Di Dewan Santap, baginda berkenan memotong kek puja usia dan berkenan menerima pesambah dari rakyat dan penduduk Daerah Belait.

Doa selamat dibacakan oleh Hakim Syariah, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali dan sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menerima junjung ziarah jempunan khas yang hadir.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.



GAMBAR-GAMBAR merakamkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada segenap lapisan masyarakat di Daerah Belait (atas sekali kiri dan kanan dan atas).



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan Santap.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah.

Penduduk Daerah Belait bersatu padu realisasikan Wawasan Negara



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Belait semasa menyampaikan ucapan selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-68 ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

dalam sembah kesyukuran dan taat setia bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-68 Tahun Bagi Daerah Belait di Padang Bandaran, di sini.

Awang Haji Haris juga mewakili Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Perayaan di peringkat Daerah Belait juga

menyembahkan dan membahuri ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda, mendukung dan mempertahankan sistem pemerintahan beraja, kekal selamanya menjadi negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

"Abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga seterusnya berikrar untuk sentiasa bersatu padu berusaha untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035, lebih-lebih lagi bagi memenuhi azam dan hasrat murni Kebawah Duli Tuan Patik untuk menjadikan Negara

Brunei Darussalam yang dicintai ini benar-benar menjadi Negara Zikir yang pastinya akan membawa negara ini sentiasa menikmati keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran serta sentiasa berdiri kukuh di bawah perhatian, pemeliharaan, keredaan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala," ungkap Awang Haji Haris.

Awang Haji Haris menjelaskan, keberangkatan baginda itu saat yang amat ditunggu-tunggu oleh sekalian rakyat dan penduduk daerah tersebut khususnya untuk mencurahkan rasa kesyukuran dan kegembiraan ke hadapan majlis baginda, lebih-lebih untuk sama-sama menyambut dan meraikan ulang tahun Hari Keputeraan baginda.

Sketsa 'Kekal Beraja Sejahtera Negara' menzahirkan perpaduan

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

KUALA BELAIT, Ahad, 17 Ogos. - Seramai 668 peserta terdiri daripada 583 tunas-tunas bangsa memperagakan persembahan khas, sketsa bertema 'Kekal Beraja Sejahtera Negara'.

Peserta-peserta merangkumi pelajar-pelajar maktab, sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan dan swasta termasuk 85 pegawai dan kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Syarikat BLNG.

Persembahan khas adalah bagi menyerikan Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun Bagi Daerah Belait di Padang Bandaran, di sini.

Peserta persembahan membuat olah gerak yang diiringi dengan sajak, muzik, lagu dan koir yang menggambarkan perpaduan rakyat dan penduduk kesemua mukim dan kampung di daerah ini khususnya dan di semua mukim dan kampung di keempat-empat daerah pada keseluruhannya bersatu taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan raja yang dikasihi, menjunjung dan mendukung serta mempertahankan negara tercinta

untuk kekal selamanya dipimpin oleh raja.

Persembahan khas menggambarkan rakyat dan penduduk negara ini berkekalan taat setia, mendukung dan menjunjung sistem pemerintahan beraja yang diwarisi turun temurun sejak ratusan tahun kerana sistem ini bukan saja menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk bahkan juga menjamin pembangunan dan kemajuan negara.

Dengan sistem ini, rakyat dalam kalangan tujuh puak jati meliputi puak Brunei, Dusun, Kedayan, Murut, Belait, Bisaya, Tutong dan masyarakat pelbagai kaum yang tinggal di negara ini 'Menjunjung Duli' berkekalan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan kerajaan baginda kerana dapat menikmati hidup yang harmoni lagi sejahtera, bersatu padu, saling hormat-menghormati, rukun, aman dan damai di bawah pemerintahan seorang raja yang adil lagi bijaksana.

Dengan berkekalan mengamalkan dan menjunjung tinggi sistem pemerintahan beraja, Negara Brunei Darussalam yang tercinta serta rakyat dan penduduk serta masyarakat di dalamnya akan berterusan menikmati pelbagai pembangunan dan kemajuan sekali gus mengecapi kebahagiaan, keselamatan dan kesejahteraan dengan kualiti hidup yang tinggi.



PERSEMBAHAN penuh warna-warni membayangkan perpaduan, kemakmuran dan keharmonian rakyat dan penduduk, masyarakat berbilang kaum dan keluarga mensyukuri nikmat keamanan, kedamaian dan kesejahteraan hidup di bawah kepimpinan raja.

Bagi Negara Brunei Darussalam, Raja adalah Payung Negara, lambang keharmonian, perpaduan, kemakmuran dan kesejahteraan negara, sekali gus menjadi pelindung hidup rakyat dan penduduk serta masyarakat pelbagai kaum yang tinggal di negara ini.

Persembahan yang penuh warna-warni membayangkan perpaduan, kemakmuran dan keharmonian rakyat dan penduduk, masyarakat berbilang kaum dan keluarga mensyukuri nikmat keamanan, kedamaian dan kesejahteraan hidup di bawah kepimpinan raja.

Persembahan turut mempamerkan kegembiraan, kerian dan kebahagiaan rakyat dan penduduk serta masyarakat berbilang kaum di negara ini dalam suasana kasih sayang ibu bapa, keharmonian keluarga dan masyarakat di mukim dan kampung serta ketaatsetiaan, menyayangi dan menyintai raja yang adil, bijaksana lagi berdaulat serta riang gembira menyambut hari keputeraan baginda, seorang raja yang adil lagi berdaulat.

Persembahan selama 20-25 minit diperkuatkan dengan narrator, sajak dan koir yang diiringi dengan alat-alat muzik tradisi seperti drum dan lain-lain bagi menghidupkan corak variasi persembahan.

Dengan kekalnya sistem pemerintahan beraja sahajalah

negara ini serta rakyat dan penduduk di dalamnya akan berterusan meraih keberkatan, keselamatan dan kesejahteraan, menikmati pelbagai pembangunan dan kemajuan serta

seterusnya mengecapi kebahagiaan dengan kualiti hidup yang tinggi dalam suasana rukun, aman dan damai lagi bahagia dengan alam sekitarnya yang indah dan permai.



PESERTA persembahan membuat olah gerak yang diiringi dengan sajak, muzik, lagu dan koir yang menggambarkan perpaduan rakyat dan penduduk kesemua mukim dan kampung di Daerah Belait.



LAUNGAN tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' dikepalai oleh Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Abu Bakar bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan peserta-peserta persembahan khas (kiri), sementara gambar atas menunjukkan kalangan para peserta persembahan khas.

Merafak sembah ke hadapan majlis Kebawah DYMM



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed



AWANG Mohammad Rajab yang bertugas di Jabatan Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan.

KUALA BELAIT, Ahad, 17 Ogos. - Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Bagi Daerah Belait berlangsung penuh meriah dan warna-warni.

Bagi meninjau suasana majlis tersebut, **PELITA** **BRUNEI** berkesempatan menemu bual

keterlibatan beberapa orang dari tahap pemimpin, beberapa orang peserta persembahan dan juga warga emas yang terlibat dalam acara keraian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 di Daerah Belait tahun ini.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyifatkan kemeriahan persembahan sempena sambutan bersama rakyat dan penduduk daerah ini menunjukkan negara ini memiliki pelbagai bangsa yang ingin melahirkan rasa kecintaan terhadap raja dengan bersemangat bersatu padu dan bersepakat dan menghargai peluang bersua muka dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara lebih dekat.

“Saya sangat-sangat gembira dengan keramaian kehadiran orang ramai di daerah ini dengan persembahan yang sangat baik dan mantap dari masyarakat walaupun cuaca hujan namun orang ramai masih sanggup berkerumun dan masih sanggup berdiri dan menunggu Kebawah DYMM, inilah satu semangat menunjukkan baginda sebagai raja adalah lambang negara yang kekal karar memerintah negara.”

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait, Dayang Hajah Kertini binti Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah telah dilantik selaku Ahli Jawatankuasa Tertinggi bahagian perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68 sebagai Pengerusi Kejohanan Bola Jaring bagi Daerah Belait, sementara keterlibatan beliau dalam Majlis Perundingan Kampung dilantik selaku Penyelaras Kebudayaan Islam bagi Mukim dan Kampung dan selaku Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Perempuan beliau mengendalikan pertandingan Dikir Daba’e.

Menurut beliau, kerjasama yang didasarkan pada kemampuan dan daya kreativiti diri akan dapat membimbing orang lain dalam mencapai tujuan-tujuan yang diinginkan dalam mengajak orang lain untuk berbuat sesuatu yang berdasarkan penerimaan dengan ikhlas dan memiliki keahlian khusus yang tepat bagi situasi yang khusus.

Beliau berasa bertuah dan terharu dengan kepercayaan yang telah diberikan selaku pemimpin dalam menjalankan segala yang dihasratkan dan diamanahkan dengan baik dan

keterlibatan beliau yang tidak mengenal erti jemu ini bermula sejak beliau di bangku sekolah lagi dan dikesempatan ini beliau menyembahkan sembah ucapan Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM dengan iringan doa agar kepimpinan baginda tetap kekal karar memerintah negara.

Manakala Awang Mohammad Rajab yang bertugas di Jabatan Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan menjelaskan, penglibatan beliau sebagai pemimpin secara langsung ataupun tidak dalam pelbagai aktiviti sama ada yang berorientasikan kepada kemasyarakatan, kenegaraan, kebudayaan dan juga keagamaan telah banyak membantu beliau dalam membentuk keperibadian diri dan jati diri, keterlibatan seumpama ini bukan saja berkisar hanya di Daerah Belait malah hingga ke peringkat kebangsaan.

“Dalam pada masa yang sama ini telah memberi peluang seluas-luasnya kepada saya untuk meneroka dan aktif dalam pelbagai aktiviti dalam menyumbang khidmat bakti kepada negara, bangsa dan agama selaku pendidik dan keterlibatan dalam persatuan yang saya sertai,” jelas beliau.

Lebih kurang 886 peserta yang merangkumi 668 peserta persembahan khas yang bertema ‘Kekal Beraja Sejahtera Negara’ dipersembahkan oleh pemimpin institusi pendidikan, pelajar, belia, puak, warga pekerja swasta dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), dan turut terlibat dalam persembahan khas, 85 petugas Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Brunei LNG yang merupakan pengeluaran utama industri minyak dan gas di negara ini.

Peserta persembahan yang disertai oleh murid-murid dari Sekolah Arab Belait telah melibatkan beberapa orang penuntutnya yang mengikuti tarian tujuh puak yang terdapat di negara ini dan mereka berasa teruja dan gembira dengan keterlibatan mereka walaupun buat kali pertama dan menyembahkan ucap Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM, ini merupakan salah satu aktiviti sekolah secara berkala khusus buat murid yang terpilih.

Sementara itu, Dayang Sumarny Saosu yang bertugas di Bahagian ‘Master Data SAP-PM’ OPM161, wakil dari 85 orang petugas Syarikat BSP dan Brunei LNG berasa begitu teruja dan gembira dengan keterlibatan beliau dan rakan-rakan dalam persembahan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah



DAYANG Sumarny Saosu yang bertugas di Bahagian ‘Master Data SAP-PM’ OPM161, wakil dari 85 orang petugas Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Brunei LNG.



AWANG Haji Mohd. Abon bin Dollah, 86, pesara BSP setelah berkhidmat selama 30 tahun.



DAYANG Siti Aminah binti Danau, 76, dari Pandan 8.

DYMM Ke-68 Tahun ini.

“Saya akan menyertainya peluang keemasan ini setiap tahun kerana dengan keterlibatan dalam persembahan padan dan sebagainya telah memberi peluang kepada saya mengucapkan Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM.”

Dengan berkeperibadian unggul dan tulus Kebawah DYMM yang sentiasa memeduli hal ehwal kemasyarakatan rakyat dan Negara Brunei Darussalam termasuk kebajikan warga emas, juga tidak ketinggalan menghadirkan diri semata-mata untuk menyampaikan sembah ucap Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

Awang Haji Mohd. Abon bin Dollah, 86, pesara BSP setelah berkhidmat selama 30 tahun di Bahagian Cari Gali, Rasau Kuala Belait, berasal dari Kampung Bukit Sawat dan sekarang menetap di Kampung Mumong Jalan Singa Menteri.

Selepas empat tahun lalu, tahun ini beliau ingin mengambil peluang selagi ada hayat dikandung untuk bersua muka dengan Kebawah DYMM dan sama-sama meraikan bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait.

Sementara itu, Dayang Siti Aminah binti Danau, 76, yang kini tinggal di Pandan 8, datang bersama anak beliau semata-mata inigin melihat wajah Kebawah DYMM dan ingin mengucapkan junjung kasih kerana telah mengurniakan beliau tempat tinggal, selain ingin ziarah ucap Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM sendiri.

Semua ini mencerminkan semangat perpaduan, persefahaman, permuafakatan, kerjasama dan sokongan yang erat lagi padu serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kegembiraan, kerianan dan kebahagiaan rakyat dan penduduk serta masyarakat berbilang kaum di negara ini dalam penuh harmoni dalam ketaatan dan kesetiaan dalam menyayangi dan menyintai raja yang adil, bijaksana lagi berdaulat dalam sama-sama menyambut Hari Keputeraan baginda sebagai raja yang adil lagi berdaulat.



YANG Dipertua Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait, Dayang Hajah Kertini binti Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah (kiri).



MURID-MURID dari Sekolah Arab Belait menyembahkan ucap Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Raja pemedulian rakyat sejahtera

Berita dan Foto : Mohammad Arif Matali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sangat bertuah menikmati kehidupan yang aman sentosa lagi sejahtera dengan bernaung di bawah pimpinan seorang raja yang prihatin dan pemedulian kepada seluruh isi di dalamnya.

Atas sifat pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jelas terbukti dengan apa jua perkembangan yang kita kecapai hari ini.

PELITA BRUNEI berkesempatan menemu bual beberapa peserta yang terlibat dalam Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun.

Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Zainal ketika ditemui PELITA BRUNEI berkata, selaku rakyat Kebawah DYMM seharusnya mendukung dan menyokong matlamat serta hasrat negara terutama untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Selaku pemimpin kepada anak

buah kampung tambahnya, kita seharusnya sentiasa mendengar permasalahan anak buah kampung, di samping memeduli perihal dan kepentingan mereka serta mengawasi persekitaran kampung dari sebarang ancaman yang boleh menggugat keselamatan sesebuah kampung itu.

Menurutnya lagi, sesungguhnya sepanjang pemerintahan baginda sejak 1967 sehingga hari ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan baginda bagi memeduli hal dan keperluan rakyat. Kepimpinan dan keperibadian baginda yang sangat mengambil berat tentang masalah rakyat, menyebabkan baginda dikenali sebagai seorang raja pemedulian atau raja prihatin.

"Ini berdasarkan kepada sifat baginda yang sentiasa membuat lawatan ke kampung-kampung, daerah-daerah, jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian bagi mengetahui dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Sifat pemedulian baginda patut dicontohi oleh pemimpin-pemimpin bawahan untuk sama-sama menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan," jelasnya lagi.

Sementara itu, Ketua Kampung Bebuloh, Awang Haji Md. Said bin Tundak menjelaskan, hadiah paling berharga adalah dikurniakan seorang pemimpin yang berwibawa dan menjadikan negara kita dalam keadaan selamat dan sejahtera.



KETUA Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abd Rahman bin Pengiran Haji Zainal berkata, selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia seharusnya mendukung dan menyokong matlamat serta hasrat negara terutama untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035.

"Walaupun masyarakat kita mempunyai pelbagai puak, bangsa dan agama namun atas rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat pimpinan Kebawah DYMM, kita semua hidup dalam perpaduan yang harmoni," katanya.

Ini jelas terbukti, sejak menaiki takhta kerajaan, baginda telah berikrar akan terus menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat, serta akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman dan kemakmuran negara. Bagi mengekalkan kesejahteraan yang telah dikecapi masa kini, baginda telah bertitah menasihati rakyat dan penduduk negara ini supaya mensyukuri nikmat dan sentiasa berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



PC 5314 Mat Harni bin Awang Mat Japar berkata, rakyat di negara ini patut berasa bersyukur kerana mempunyai pemimpin dan ketua negara yang berjiwa rakyat.

"Oleh itu, kita sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung mahkota baginda hendaklah bersyukur dengan kemakmuran yang telah dinikmati sepanjang pemerintahan baginda yang membawa kepada keadilan dan kemajuan," tegasnya lagi.

PC 5314 Mat Harni bin Awang Mat Japar, ketika ditemui berkata, rakyat di negara ini patut berasa bersyukur kerana mempunyai pemimpin dan ketua negara yang berjiwa rakyat, di samping dikurniakan sebuah negara yang aman, makmur dan berdaulat.

"Segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita selama ini adalah menerusi usaha dan kebijaksanaan pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



KETUA Kampung Bebuloh, Awang Haji Md Said bin Tundak menyeru sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung mahkota baginda hendaklah bersyukur dengan kemakmuran yang telah dinikmati sepanjang pemerintahan baginda.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mentadbir negara ini dengan adil dan saksama," terangnya.

Melalui kepimpinan bijaksana baginda tambahnya lagi, rakyat dan negara sentiasa berada dalam suasana aman, damai dan sejahtera serta menikmati kemajuan dan pembangunan pesat dalam bidang fizikal dan kerohanian.

"Pada masa yang sama hubungan antara baginda dan rakyat sentiasa terjalin begitu rapat yang diperlihatkan melalui kemesraan dan kasih sayang yang mendalam. Saya berdoa semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia, sihat walafiat, kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam di bawah perlindungan dan petunjuk-Nya jua," katanya.

Pelancong kagum keunikan negara ini



NAEYOSHI Honda, 20, bersama rombongan mahasiswa-mahasiswi dari Korea dan Malaysia yang dalam rangka belajar melalui pertukaran program 'Global Discovery Program' di Universiti Brunei Darussalam berasa sungguh tertarik dengan pengalaman seperti itu yang jarang dilihat di negara lain.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Ogos. - Istiadat Perbarisan Kehormatan Bagi Memperingati Hari Keputeraan



ZHONG Yi Yi bersama rombongannya dari Republik Rakyat China tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan upacara yang begitu menarik perhatian mereka terutama kibaran bendera dan pukulan hadrah daripada penuntut-penuntut sekolah dalam menyambut keberangkatan Kebawah DYMM.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun, berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien mencatatkan satu lagi lembaran ristaan sejarah buat negara ini.

Keakraban Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rakyat melalui upacara seumpama itu bukan sahaja dapat memperteguh dan mengeratkan hubungan tetapi juga merupakan anugerah yang menjadi keunikan tersendiri bagi negara ini.

Wakil PELITA BRUNEI sempat membuat pendekatan dengan beberapa pelancong asing termasuk

sepasang suami isteri dari Amerika Syarikat, Amel Custic dan Casey Palmer yang melahirkan rasa sangat bertuah dan seronok kerana berkesempatan menyaksikan upacara pagi itu lebih-lebih lagi untuk melihat sendiri wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara lebih dekat lagi.

Mereka yang belum pernah berkunjung ke negara ini sebelumnya, merasakan keunikan yang tersendiri setelah berada di negara ini dan menyaksikan sendiri upacara tersebut.

Zhong Yi Yi bersama rombongannya dari Republik Rakyat China yang berkunjung ke negara ini juga tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan upacara yang begitu menarik perhatian mereka terutama kibaran bendera dan pukulan hadrah daripada penuntut-penuntut sekolah dalam menyambut keberangkatan Kebawah DYMM.

Menurut mereka, kerianan wajah baginda dengan lambaian dan senyuman baginda kepada segenap lapisan masyarakat yang turut menyaksikan di persekitaran taman berkenaan mempamerkan kemesraan yang mendalam.


Selain itu, mereka juga sempat mengabadikan kenangan dengan mengambil gambar dan rakaman video sepanjang berlangsungnya upacara tersebut.

Bagi Karina Mabrich dari Peru, peluang seumpama itu jarang ditemui di negara mereka dan setentunya akan menghebahkan kepada keluarga dan rakan apabila pulang nanti, di samping berkongsi cerita mengenai keramahan seorang raja bersama rakyatnya serta keunikan yang terdapat di negara ini.

"Kami sangat berpuas hati dengan layanan baik dari segi penginapan yang begitu kemas dan tersusun



KARINA Mabrich dan suaminya yang berasal dari Peru berkata, peluang seumpama itu jarang ditemui di negara mereka dan setentunya akan menghebahkan kepada keluarga dan rakan apabila pulang nanti, di samping berkongsi cerita mengenai keramahan seorang raja bersama rakyatnya serta keunikan yang terdapat di negara ini.



PASANGAN suami isteri dari Amerika Syarikat, Amel Custic dan Casey Palmer melahirkan rasa sangat bertuah dan seronok kerana berkesempatan menyaksikan upacara pagi itu lebih-lebih lagi untuk melihat sendiri wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara lebih dekat lagi.

sejak kami berada di negara ini kelmarin," ujarnya dengan wajah penuh riang bersama suaminya.

Naeyoshi Honda, 20, bersama rombongan mahasiswa-mahasiswi dari Korea dan Malaysia yang dalam rangka belajar melalui pertukaran 'Global Discovery Program' di Universiti Brunei Darussalam merasa sungguh tertarik dengan pengalaman seperti itu yang jarang dilihat di negara lain.

Pelajar dari Universiti Waseda,

Tokyo, Jepun itu dan rombongan begitu tertarik melihat kemesraan raja dengan rakyat dan penduduk negara ini termasuk para pelancong.

Kesemua mereka juga tidak lupa menyampaikan ucapan Selamat Puja Usia ke hadapan majlis Kebawah DYMM yang ke-68 tahun dan berharap agar baginda dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah negara dengan penuh aman dan harmoni.

دولت کبawah دلی توانف قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

68



٦٨

Sempena Hari Keputeraan Ke-68 Tahun

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT DAN PENDUDUK
DAERAH TUTONG



Hari Selasa
22 Syawal 1435H
bersamaan
19hb Ogos 2014M

www.royalbirthday.org.bn



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept.bn

Bertempat:
Padang Kompleks
Dewan Kemasyarakatan
Pekan Tutong

Bahan terbuang berpotensi dikitar semula

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Bahan-bahan atau sisa-sisa terbuang seperti kertas, plastik dan besi antara yang mempunyai potensi dikitar semula sebagai sumber-sumber bahan mampu mengurangkan jumlah sampah-sampah yang memenuhi ruang bagi tempat pembuangan sampah.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menekankan demikian dalam ucapan pada Pembukaan Rasmi Persidangan Kebangsaan Alam Sekitar Ke-7 (7th National Environment Conference) di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, bahan-bahan atau sisa-sisa itu bukan

sahaja akan memenuhi tanah tempat pembuangan sampah tersebut bahkan ianya akan memanjangkan hayat penggunaan tanah.

“Sebaliknya, tanah ini boleh digunakan bagi keperluan lain seperti perumahan dan pembangunan infrastruktur yang lain,” tambahnya.

Setiap tahun bahan-bahan atau sisa-sisa tersebut dianggarkan mengandungi 34,000 tan kertas, 30,200 tan plastik, 9,400 tan besi, 13,230 tan bahan buangan organik dan 1,900 tan bahan buangan alat elektrik.

“Walaupun negara ini masih dilimpahkan dengan banyak sumber alam semula jadi dan persekitaran yang lestari namun banyak langkah menghidupkan diusahakan dan projek-projek dilaksanakan yang mementingkan faktor-faktor kepentingan persekitaran termasuk karbon,” katanya.

Pada majlis tersebut, Menteri Pembangunan juga menyempurnakan

Penyampaian Anugerah Kempen Kitar Semula Bahan-bahan Terbuang Kepada Bahan-bahan Berguna bagi Kategori Perdagangan dan Kategori Pengurusan Rumah Tangga.

Suruhanjaya Tinggi Britain di negara ini muncul juara bagi Kategori Perdagangan dengan jumlah kutipan seberat 1,538 kilogram (kg) sampah manakala Kategori Pengurusan Rumah Tangga dimenangi oleh Sarvagya Mani Pardhan yang mengutip seberat 288kg sampah.

Kempen tersebut bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan bahan-bahan kitar semula dalam kehidupan seharian penduduk di negara ini, di samping meningkatkan dana bagi projek hijau kepada pertubuhan alam sekitar bukan kerajaan.

Lebih 4,000kg sampah dikumpul semasa kempen berkenaan.

Majlis diteruskan dengan sesi forum dan pembukaan pameran yang dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyempurnakan Penyampaian Anugerah Kempen Kitar Semula Bahan-Bahan Terbuang Kepada Bahan-Bahan Berguna.

Tinjau persiapan Majlis Bersama Rakyat di Daerah Temburong

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sejeurus selepas menyaksikan latihan awal bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah ini.

TEMBURONG, Sabtu, 9 Ogos. - Latihan bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah ini sedang rancang dijalankan.

Latihan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Temburong, Pekan Bangar disaksikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang membuat lawatan

tinjauan semasa latihan diadakan.

Lawatan tinjauan Yang Berhormat, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68 Tahun itu bertujuan bagi meneliti persediaan-persediaan latihan yang diangkayahkan di daerah ini khususnya bagi menjunjung Keberangkatan Kebawah DYMM Bercemar Duli Bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah ini.

Tahun ini persembahan khas daripada penduduk di Daerah

Temburong menggabungkan seramai 368 orang terdiri daripada penuntut sekolah rendah dan menengah, persatuan-persatuan, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta puak-puak yang ada di daerah ini.

Persembahan merangkumi tiga segmen penuh dengan iringan doa dan lagu keputeraan.

Hadir sama semasa lawatan tinjauan ini ialah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68 Tahun bagi Daerah Temburong serta para pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Temburong.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran RTB5.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SUNGKAI AKAR, Sabtu, 9 Ogos. - Saluran RTB5 yang bersiaran secara percubaan pada 18 Disember 2009 bermula pukul 4.00 petang hingga 10.00 malam, kini bersiaran selama enam jam setiap hari bermula 5.00 petang hingga 11.00 malam.

Saluran berbentuk keagamaan khusus menentang rancangan-rancangan bercirikan keislaman itu dilancarkan petang tadi (dari siaran percubaan kepada siaran penuh), berlangsung di Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB), Kampung Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran Saluran RTB5 ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Juga hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) JPM, Awang Haji Idris bin Mohd. Ali, pegawai-pegawai kanan di JPM dan

pegawai-pegawai kanan RTB.

Terdahulu, penerangan ringkas mengenai Saluran RTB5 disampaikan oleh Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bongsu, diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Himmah.

Awang Haji Muhammad Suffian menjelaskan, Saluran RTB5 adalah pelengkap (complementing) kepada saluran-saluran RTB yang lain dalam menentang secara eksklusif rancangan-rancangan yang mendukung nilai-nilai dan ciri-ciri keislaman berkonsepkan pendidikan, ilmiah, maklumat, pengajaran dan hiburan keagamaan bertepatan dan relevan untuk semua peringkat umur dan lapisan masyarakat sepanjang masa.

Di samping itu, katanya, saluran bertemakan keagamaan ini dihasratkan untuk menyahut secara khusus hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai

RTB5 bercirikan keislaman

Negara Zikir yang berpegang teguh dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

“RTB merasa yakin bahawa melalui platform penyiaran seperti Saluran RTB5 ini akan dapat secara optimum mendukung dan menyebarluaskan agenda dan dasar-dasar kerajaan dalam bentuk keagamaan kepada khalayak ramai; menjadi sumber maklumat keagamaan yang relevan dan utama di Negara Brunei Darussalam; menjadi media rakyat dengan melibatkan orang ramai, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, institusi pendidikan tinggi dan swasta dalam rancangan-rancangan agama itu nanti; mendukung usaha-usaha keagamaan kerajaan dalam pembangunan negara; mempromosi laporan dan rancangan keagamaan yang berkualiti, beranalisa dan menarik; dan dijadikan bahan rujukan para ilmuwan untuk mendapatkan maklumat terkini melalui media elektronik,” ujarnya.

Dalam hal ini, tambahnya, Bahagian Rancangan Tv telah bercambah fikiran dan seterusnya melaksanakan penyusunan semula format rancangan-rancangan di Saluran RTB5, antaranya menentang, kempen-kempen kerajaan mengenai dengan perkembangan agama Islam di negara ini; pembangunan masyarakat Islam; penyiaran perkhidmatan umum berunsurkan kepentingan manusia duniawi dan akhirat; ‘Filler dengan pengisian Selawat, Doa-doa Harian, Amalan-amalan Sunat, Zikir-zikir Harian, Motivasi, Himpunan Kuliah Mufti, 5 Minuter dan lain-lain.

Model perancangan perisian bagi saluran itu, jelasnya, disumbangkan oleh Bahagian Rancangan-Rancangan Televisyen dan Bahagian Berita,

Hal Ehwal Semasa dan Sukan termasuk sumber luar (*outsources*) melalui ‘Production House’ dan dengan kerjasama rakan-rakan strategik jabatan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pendidikan tinggi, swasta dan lain-lain.

Pengarah RTB menjelaskan, sasaran perisian bagi RTB5 menjurus kepada 80 peratus rancangan penerbitan tempatan dan 20 peratus diperolehi dari luar negeri.

Bagi menjayakan atau merealisasikan tujuan penubuhan saluran keagamaan ini, katanya, RTB perlu bekerjasama atau menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak-pihak seperti KHEU; Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Jabatan Mufti Kerajaan; Jabatan Perundangan Islam; Pusat Da’wah Islamiah; Mahkamah Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Universiti Brunei Darussalam; Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Pusat Sejarah, institusi-institusi bank Islam dan Jawatankuasa Takmir Masjid, Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Brunei (Darussyifa) dan lain-lain.

Beliau menjelaskan, sejajar dengan program peralihan daripada penyiaran analog ke penyiaran digital serta perkembangan dan persaingan penyiaran serantau dan antarabangsa, jabatan penyiaran telah, sedang dan akan membuat persediaan yang menumpukan kepada dua sektor utama iaitu sektor teknologi dan sektor kemajuan perisian dengan antaranya memfokus kepada perancangan penyusunan semula saluran-saluran televisyen yang

bersesuaian dengan konsep saluran serta ke arah meningkatkan lagi kualiti perisian yang dipertontonkan kepada orang ramai berpandukan kepada amalan terbaik dan penanda aras serantau dan antarabangsa serta meningkatkan lagi intelektual dan profesionalisme tenaga kerja jabatan.

Penubuhan saluran keagamaan ini juga dihasratkan untuk mengangkat Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Saluran tersebut menyiarkan maklumat dan pendidikan berbentuk ilmiah dan keagamaan yang bertepatan dan relevan untuk semua peringkat umur dan lapisan masyarakat.

Penubuhan Saluran RTB5 bertujuan menyebarluaskan agenda dan dasar-dasar kerajaan dalam bentuk keagamaan kepada khalayak ramai, di samping menjadi sumber maklumat keagamaan yang relevan dan utama di Negara Brunei Darussalam.

Pengisian Saluran RTB5 antaranya termasuk: menyiarkan bahan-bahan berita nasional, serantau dan antarabangsa; saluran penuh informasi dan pendidikan dalam bentuk keagamaan; rancangan ehwal semasa berbentuk keagamaan yang mengandungi kejadian-kejadian setempat dan di seluruh negara; dan dokumentari mengenai keagamaan yang boleh dijadikan sumber maklumat kepada para penonton tempatan dan luar negara.

E-Kerajaan nilai tambah Perkhidmatan Awam

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid

SETIAP negara berhasrat untuk membina dan mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan agar penduduknya hidup di dalam suasana yang selesa. Ke arah mencapai matlamat-matlamat seumpama itu, setiap negara akan memperkenalkan pelbagai pembaikan dari segi penyediaan infrastruktur, rang undang-undang, dasar-dasar dan institusi-institusi.

Pada satu masa dahulu, pembaikan yang dimaksudkan adalah merujuk pada penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti pendidikan; kesihatan; bekalan air dan elektrik; perkhidmatan pos, jalan-jalan raya dan sebagainya. Usaha-usaha tersebut disertakan dengan pelaksanaan dasar-dasar yang membolehkan kemunculan unsur-unsur berbangsa dan bernegara dalam kalangan penduduk sesebuah negara.

Secara amnya, perihai inilah yang diistilahkan sebagai *nation-building*. Sekarang, pembaikan merujuk pada menaiktarafkan infrastruktur dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh kedua-dua pihak awam dan swasta.

Pembaikan berkenaan mengambil kira beberapa faktor. Pertama ialah harapan dan permintaan para penduduk. Kedua ialah disebabkan keperluan agar infrastruktur dan keupayaan modal insan (*human capital*) sentiasa berupaya mengatasi cabaran-cabaran yang dibawa oleh aspek-aspek kemodenan.

Di Negara Brunei Darussalam, salah sebuah usaha utama yang dikendalikan oleh kerajaan bagi mengukuhkan infrastruktur dan keupayaan modal insannya (*human capital*) ialah dengan menubuhkan sistem e-Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Majlis Pelancaran Persidangan Mengenai Masyarakat Bermaklumat, NASIS pada 7 September 2005, antara lain menekankan: "Kerajaan telah melaksanakan rancangan e-Kerajaan dan menggalakkan pula pelaksanaan e-Perniagaan yang mampu untuk mewujudkan e-Masyarakat dan e-Society. Sekiranya semua ini berjalan lancar, maka insya-Allah kita akan dapat pula mencapai visi bagi mewujudkan e-Brunei."

Kerajaan Kebawah DYMM dalam usahanya untuk menubuhkan sistem e-Kerajaan telah pun memperuntukkan Jumlah Peruntukan Wang Kemajuan Negara berjumlah BND310 juta bagi sektor ICT yang menumpukan kepada empat bidang iaitu Agensi Perkhidmatan e-Kerajaan bagi keperluan penyediaan infrastruktur dan penggunaan ICT ke semua kementerian dengan peruntukan sebanyak BND217 juta. Pusat e-Kerajaan diperuntukan sebanyak BND24 juta bagi mewujudkan perkhidmatan guna sama Pusat Maklumat serta peruntukan projek-projek bagi tahun 2012 / 2017 sebanyak BND38 juta.

Bagi memastikan Program e-Kerajaan berjalan lancar mengikut

Pelan Strategik e-Kerajaan, semua usaha mengenainya akan memfokuskan pada beberapa perkara iaitu mengukuhkan 'Key Performance Indicator' bagi memantau perkembangan pelaksanaan Projek e-Kerajaan.

Selain itu, menambah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan secara *online* sepenuhnya yang diperlukan oleh orang ramai (Citizen Centric) dan pihak swasta (Business Centric) dan memberikan perkhidmatan 'Share Services'.

Di samping itu, memastikan Business Process Reengineering dijalankan sebelum pelaksanaan sistem aplikasi, melaksanakan Change Management Programme bagi meningkatkan penggunaan sistem-sistem yang telah siap dilaksanakan.

Pusat Kebangsaan e-Kerajaan telah pun melaksanakan Program Pembangunan Belia ICT sebagai satu platform pendidikan alternatif untuk memberi peluang kepada belia untuk menjalani latihan profesional dalam bidang ICT.

Pusat e-Kerajaan juga telah melaksanakan projek sistem pengurusan dan maklumat penjagaan kesihatan Brunei Darussalam yang dilancarkan pada tahun lepas bagi meningkatkan pengurusan dan penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Dengan adanya perkhidmatan e-Kerajaan itu nanti pemegang-pemegang lesen kenderaan akan dapat memperbaharui lesen-lesen kenderaan mereka secara *online*. Pemegang-pemegang lesen kenderaan tidak perlu banyak melawat ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk urusan seperti ini dan apa saja yang lebih mustahak ialah *authentication* atau cara menentukan bahawa kereta itu adalah kereta yang betul dan selaras dengan data-data yang betul sebelum ia diluluskan.

Latar belakang penubuhan e-Kerajaan

Pembinaan rangka kerja e-Kerajaan di Negara Brunei Darussalam bermula pada tahun 1970-an di mana institusi kewangan dan telekomunikasi menjadi perintis awal dalam menggunakan IT untuk pemprosesan data yang membantu fungsi perniagaan dan operasi mereka.

Ditubuhkan berpandukan latar belakang pemacu utama e-Kerajaan dan *trend* global dalam membina lebuhraya maklumat negara, Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah membuat keputusan untuk mempercepatkan pembangunan IT dalam pelbagai sektor ekonomi negara sejak 1990-an.

Pada tahun 1995, Program Teknologi Maklumat atau Teknologi Maklumat (TEMA) diperkenalkan untuk Perkhidmatan Awam. Ia bertujuan untuk meningkatkan penggunaan IT dan kesedaran, mempromosikan program IT yang dirancang untuk pelbagai kementerian dan meningkatkan tahap perkhidmatan kepada rakyat.

Pada bulan Januari 1996, sebuah jabatan IT khusus dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara (ITSS) telah ditubuhkan.

Pada tahun 1997, satu rangka kerja IT Perancangan Strategik kebangsaan telah digubal dan ia hanya bermula dalam tahun 2000. Pelan Strategik IT Negara 'IT 2000 dan Beyond' bertujuan untuk menggalakkan permohonan berkesan



PUSAT Kebangsaan E-Kerajaan (E-Government National Centre-EGNC) adalah sebuah jabatan kerajaan yang menyimpan maklumat Perkhidmatan Awam, menyelia pembangunan kakitangan IT, memusatkan perolehan peralatan IT dan menyediakan aplikasi kerajaan yang dikongsi bersama perkhidmatan IT dalam kalangan semua kementerian.

IT dalam sektor awam dan swasta, meningkatkan tahap celik IT, dan memastikan IT tenaga kerja mahir untuk menajana pertumbuhan.

Pelan ini mengetengahkan tiga strategi teras dalam mewujudkan suatu masyarakat tanpa kertas dengan hasil tadbir urus dan perkhidmatan tanpa kertas melalui penggunaan teknologi multimedia untuk membolehkan maklumat atau data. Ia juga menyasarkan pengenalan kerajaan elektronik melalui program-program latihan yang lebih baik dan penyelarasan IT serta mewujudkan insentif yang lebih baik untuk IT penerimaan dan penggunaan e-Perniagaan di sektor awam.

Pada tahun 1998 apabila program di e-Kerajaan pertama wujud di bawah inisiatif melalui jawatankuasa IT kerajaan yang ditubuhkan oleh Pejabat Perdana Menteri. Jawatankuasa kini dikenali sebagai EGPEC atau Jawatankuasa Eksekutif Program e-Kerajaan sebagai sekutu Majlis BIT yang mengutamakan dan meluluskan inisiatif e-Kerajaan, termasuk penilaian, kajian dan cadangan bagi langkah-langkah dalam pelaksanaan program e-Kerajaan.

Program e-Kerajaan telah dirasmikan melalui pembentukan Majlis Teknologi Maklumat Brunei Darussalam (Majlis BIT) yang telah ditubuhkan pada tahun 2000 untuk menerajui dan memberi bimbingan mengenai pelaksanaan Pelan Strategik IT Negara.

Melalui Majlis BIT, kerajaan berhasrat untuk memimpin dan memudahkan pembangunan strategik dan penyebaran *state-of-the-art* IT untuk seluruh negara. Yang dipengerusikan oleh Menteri Perhubungan dan terdiri wakil-wakil kerajaan, sektor swasta, sektor IT, ahli akademik dan masyarakat, majlis tersebut telah menubuhkan sepuluh matlamat yang meliputi bidang-bidang seperti: kepimpinan, keperluan, celik IT, tenaga kerja, aplikasi, penyediaan dan pembangunan, jaringan, ekonomi, perniagaan dan relevan, untuk mencapai misi keseluruhannya.

Semua pihak yang terlibat dalam kerajaan berganding sama dalam satu matlamat yang sama iaitu untuk menggerakkan Brunei ke arah tadbir urus dan perkhidmatan tanpa kertas, melalui penggunaan teknologi multimedia untuk pertukaran

maklumat / data, dengan usaha sektor awam ke arah e-Kerajaan dan memandu sektor swasta ke arah e-program perniagaan.

Fokus dan perhatian diberikan kepada industri ICT dicerminkan buat kali pertama dalam Rancangan Kebangsaan Ke-8 2001-2005 dengan peruntukan permulaan sebanyak BND526,000,000 Rancangan Pembangunan Negara yang meningkat kepada lebih dari BND900 juta untuk pembangunan dan pelaksanaan infrastruktur untuk inisiatif e-Kerajaan untuk memohon IT untuk operasi harian kerja kerajaan dengan mewujudkan satu fizikal dan maklumat infrastruktur bertaraf dunia, yang akan bertindak sebagai tulang belakang kepada lebuhraya maklumat Brunei.

Inisiatif e-Kerajaan mengembangkan keluasan dan kedalaman industri ICT di Negara Brunei daripada hanya sedikit demi sedikit projek menangani keperluan menegak, kepada projek-projek jutaan ringgit, yang menangani keperluan pendaftaran kerajaan. Untuk tujuan ini, kerajaan telah mengumumkan tahun 2005 sebagai sasaran untuk pelaksanaan sepenuhnya kerajaan elektronik.

E-Kerajaan memodenkan Perkhidmatan Awam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan dalam titah baginda mengenai keperluan jentera kerajaan untuk sentiasa cekap, berkesan, inovatif, berdaya saing, produktif dan proaktif.

Pada tahun 2000, titah baginda merujuk pada penubuhan e-Brunei yang bertujuan untuk membolehkan masyarakat mengurangkan penggunaan kertas di dalam perihai perhubungan dengan membimbing negara ke arah penggunaan meluas teknologi maklumat.

Usaha untuk menjadikan e-Kerajaan dan e-Perniagaan telah diketengahkan dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi Brunei di luar pergantungan tradisional terhadap rizab minyak dan gas.

Pada akhir tahun 1999, Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC) melaporkan bahawa pengukuhan infrastruktur teknologi informasi dan komunikasi (ICT) adalah salah satu elemen utama yang akan digunakan untuk

mempelbagaikan ekonomi negara.

Peranan e-Government National Centre (EGNC)

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (E-Government National Centre-EGNC) adalah sebuah jabatan kerajaan yang menyimpan maklumat Perkhidmatan Awam, menyelia pembangunan kakitangan IT, memusatkan perolehan peralatan IT dan menyediakan aplikasi kerajaan yang dikongsi bersama perkhidmatan IT dalam kalangan semua kementerian.

EGNC mempunyai empat Perkhidmatan Teras, ia ditugaskan untuk membangunkan pelan strategik ICT seluruh kerajaan, berjaya IT Sumber Manusia, Pusat IT Perolehan dan untuk menyediakan aplikasi dan perkhidmatan di seluruh kerajaan biasa.

E-Darussalam

E-Darussalam merupakan sebuah laman sesawang tunggal di mana pengguna *internet* akan mempunyai akses kepada semua perkhidmatan dalam talian kerajaan.

Portal ini telah pun dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada hari Khamis 14 Julai 2011.

Perkhidmatan yang boleh dibuat melalui e-Darussalam ialah pembayaran bil elektrik, pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan, dan kemudahan dalam talian untuk menempah pemeriksaan kereta di LTD. Walau bagaimanapun, orang ramai perlu mendaftar dengan e-Darussalam untuk mendapatkan nama pengguna dan kata laluan mereka, untuk dapat mengakses dan menggunakan perkhidmatan dalam talian.

RAGAM 21

Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah melabur sebanyak 55 juta dalam membina Infrastruktur Maklumat Kebangsaan sebagai salah satu bidang utama dalam pelaksanaan program e-Kerajaan dan juga untuk seiring dengan keperluan negara.

Negara kita telah menubuhkan satu rangkaian jalur lebar di seluruh negara dipanggil Ragam 21. Ragam adalah singkatan untuk Rangkaian Global Aliran Multimedia (Multimedia Sistem Rangkaian Global 21), bermakna 'bersambung rangkaian kepada infrastruktur multimedia global'.

Ketersediaan jalur lebar tinggi dan infrastruktur rangkaian berprestasi tinggi secara berkesannya membolehkan ekonomi untuk siap siaga dalam mengharungi zaman baru rangkaian multimedia global.

Penerima rumah bantuan lahirkan rasa syukur



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa menyerahkan sijil kesiapan rumah Dayang Noorazaimah binti Haji Ibrahim di Kampung Masin pada Majlis Penyerahan Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin bagi Daerah Brunei Muara.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Inisiatif bantuan perumahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan menunjukkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dengan adanya bantuan tersebut akan dapat memberikan kehidupan yang lebih selesa dan sempurna

kepada para penerima dan ahli keluarga mereka.

Sehubungan itu, tiga penerima di Daerah Brunei dan Muara (DBM) menerima Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin, berlangsung di kediaman masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan sijil kepada para penerima yang diadakan secara berasingan di kediaman mereka ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato

Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Mula-mula menerima sijil rumah bantuan, Dayang Noorazaimah binti Haji Ibrahim, bertempat di Jalan Mulaut Limau Manis, Kampung Masin, Mukim Pengkalan Batu.

Beliau yang berusia 43 tahun bersama suaminya, Awang Muhammad Affendi bin Abdullah, 48, mempunyai tanggungan seramai lapan orang anak.

Dayang Noorazaimah ketika ditemui oleh pewarta PELITA BRUNEI melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana menerima bantuan sebuah rumah baru yang selesa dan selamat.

Beliau juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada JPM, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan lain-lain agensi yang terlibat dalam pembinaan rumah bantuan ini.

“Dengan adanya rumah ini, kami sekeluarga dapat beramal ibadah dengan sempurna dan anak-anak dapat belajar dengan selesa dan kami juga merasa amat bertuah menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam terutama sekali kutipan zakat yang sebahagiannya digunakan untuk membina rumah-rumah bantuan seluruh daerah,” ujarnya.

Beliau juga mendoakan semua rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Seorang lagi penerima rumah bantuan di Jalan Bebatik Kulapis, Kampung Bebatik, Mukim Pengkalan Batu, Dayang Sahadah binti Shaikh Abdullah ketika ditemu bual turut melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan sebuah rumah bantuan yang baru.

Dengan adanya rumah bantuan tersebut, jelasnya, beliau sekeluarga akan dapat berlindung dan beramal ibadah dengan sempurna.

Beliau yang berusia 59 tahun itu juga mengucapkan terima kasih kepada pihak berkenaan seperti JPM, MUIB, JKR, Kementerian Pembangunan dan merasa bertuah menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam.

“Semoga rakyat Negara Brunei Darussalam sentiasa saling bantu-membantu antara satu sama lain, yang senang memberi bantuan kepada yang susah dan yang susah akan membalas dengan seribu kebaikan,” ujarnya.

Manakala penerima rumah bantuan di Jalan Sungai Tampoi, Kampung Sengkurong ‘A’, Mukim Sengkurong, Dayang Hajah Asmah binti Pehin Khatib Haji Besar, 76, yang mempunyai enam orang anak juga tidak putus-putus mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas rumah yang diberikan itu.

Beliau melahirkan rasa syukur

kerana Negara Brunei Darussalam sentiasa dilimpahi rezeki sehingga rakyat dan penduduknya dapat mengeluarkan zakat yang digunakan untuk membantu orang-orang susah.

Rumah-rumah tersebut merupakan projek Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin yang diungkayahkan di bawah satu jawatankuasa yang diselenggarakan oleh JPM bersama Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pembinaan ketiga-tiga rumah berkenaan dibiayai sepenuhnya oleh MUIB melalui Kumpulan Wang Zakat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap JPM, Setiausaha Tetap KHEU, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, pegawai-pegawai kanan JPM dan kementerian-kementerian yang terlibat, penghulu dan ketua kampung, ahli-ahli Jawatankuasa Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin dan ahli keluarga penerima-penerima bantuan.

Jawatankuasa Bertindak Penyediaan Pembinaan Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin juga akan mengadakan majlis penyerahan sijil yang sama di Daerah Belait dan Daerah Tutong pada Isnin, 11 Ogos ini, manakala Daerah Temburong pada Selasa, 12 Ogos nanti.

Golongan kurang berkemampuan terima bantuan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Isnin, 11 Ogos. - Seorang warga emas yang mempunyai lima tanggungan termasuk seorang isteri dan empat orang anak telah menerima sijil baik pulih dan pembinaan rumah bantuan golongan daif, fakir dan miskin.

Majlis penyerahan sijil telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Yahya bin Haji Idris di kediaman penerima di Jalan Singa Manteri, Kampung Mumong ‘B’, di sini.

Penerima, Awang Mohamed bin Haji Alias, 68, penerima umur pencen tua pernah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Belait, sebelum bersara dan hingga masa kini, beliau aktif melakukan kerja sampingan, mengikut adiknya menangkap ikan di laut bagi menampung sara hidup diri dan keluarganya.

Sementara isterinya, Dayang Siti Minah bin Haji Dullah, 57, bekerja di bahagian air dan gas, JKR dengan pendapatan BND700 sebulan, manakala tiga orang anak perempuan mereka masing-masing berusia 23, 27 dan 29 tahun telah bekerja di sektor swasta dan anak lelakinya, 20, masih menuntut di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB).

Kerja-kerja pembinaan rumah konkrit satu tingkat itu bermula pada 5 Disember 2012 dan siap pada 26 Februari 2014 dengan harga BND70,430 dengan dilengkapi tiga bilik tidur, dua tandas, dapur, bilik tamu dan letak kereta dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Kumpulan Wang Zakat.

Pembinaan rumah tersebut di atas tanah bergeran milik Awang Mohamed berkeluasan 1.66 hektar. Awang Mohamed sekeluarga berpindah ke rumah baru mereka itu pada 29 Mei yang lalu dan sebelum ini mereka pernah tinggal di rumah mereka yang lama tidak jauh daripada rumah yang baru itu.

“Memandangkan rumah lama tidak selamat untuk didiami kerana banyak kerosakan, kami tinggal di berek kerajaan. Pada asalnya, kami memohon untuk membaiki atap, dinding dan lantai rumah lama kami yang rosak teruk,” ungkap isteri Awang Mohamed, Dayang Siti Minah.

“Waktu itu semua anak-anak kami masih bersekolah, sementara suami pula bekerja gaji hari. Syukur Alhamdulillah, atas kehendak Allah dan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat bermurah hati telah mengurniakan rumah baru ini tanpa kami duga sama sekali,” tambah Dayang Siti Minah.

Menurut wakil MUIB sebagai ahli jawatankuasa bertindak projek bantuan perumahan golongan daif, fakir dan miskin, rumah bantuan tersebut merupakan projek bantuan perumahan golongan daif, fakir dan miskin yang diungkayahkan di bawah satu jawatankuasa yang diselenggarakan oleh JPM bersama Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

“Pada masa ini hampir 60 rumah di seluruh negara telah dibina di bawah projek bantuan perumahan golongan daif, fakir dan miskin. Projek ini mengandungi tiga fasa, fasa pertama telah siap dan fasa kedua masih berjalan masa ini serta fasa ketiga masih dalam siasatan,” jelasnya.

Beliau menambah, projek ini mengandungi tiga komiti yang diketuai oleh JPM selaku Sekretariat yang menubuhkan tiga jawatankuasa meliputi jawatankuasa kumpulan kerja penyiasatan yang dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, jawatankuasa pengesahan yang dipengerusikan oleh Timbalan Mufti dan jawatankuasa penyediaan bantuan

perumahan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap JPM dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.

Menurut beliau, setakat ini mereka menerima lebih 700 permohonan di seluruh daerah. “Bagi pemohon yang berjaya yang mempunyai rumah kami akan mendirikan rumah di atas tanah milik mereka sementara yang tidak memiliki tanah, kerajaan akan menyediakannya,” jelas beliau.

“Pada masa ini projek yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mereka yang tidak mempunyai tanah bertempat di Kampung Tagap, Daerah Brunei dan Muara. Di sana sebanyak 24 buah rumah sedang dalam pembinaan, manakala di Daerah Belait di Kampung Lumut Tersusun dan di Daerah Tutong di kawasan Kampung Bukit Udal,” ungkap beliau.

Inisiatif bantuan perumahan menunjukkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan masyarakat yang memerlukan bantuan bagi memberikan kehidupan yang lebih selesa dan sempurna kepada penerima-penerima bantuan dan ahli keluarga mereka.

Di majlis tersebut, Awang Mohamed juga menerima bantuan asasi daripada wakil KKBS yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Cawangan Daerah Belait, Dayang Noridah.

Majlis dihadiri Ahli Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin, selaku Ketua Kampung Mumong; Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan pegawai-pegawai kanan di JPM dan kementerian-kementerian yang terlibat.

Juga hadir penghulu dan ketua kampung, ahli-ahli jawatankuasa bantuan perumahan golongan daif dan keluarga penerima.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris menyerahkan sijil pembinaan rumah bantuan kepada Awang Mohamed bin Haji Alias.

Pertandingan Tarian Pop Tradisional dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Pertandingan Tarian Pop Tradisional pada 24 Ogos 2014.

Pertandingan akan diadakan di pentas perayaan berhadapan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara.

Tarikh tutup mengembalikan borang ialah 20 Ogos 2014 (Rabu) pukul 4.00 petang.

Borang penyertaan boleh didapati dari Tingkat 5, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Simpang 336, Jalan Kebangsaan BA1210, Negara Brunei Darussalam.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Bahagian Kebudayaan dan Kesenian di talian 2380713 (sambungan 1511).



سرواڤ سوتې

مغو کوهکن سیستم براج

ماريله کيت منيځکتن کتنوان کيت کفد الله سبحانه وتعالى دغن فوه کيښن دان کاخلاصن دغن ملاکوکن سکل سوروهنن دان منيځکلکن سکل لاراغن. مدهمدهن کيت منجادي انسان يغ برتقوی دان برلمان سرت سلامة دنيا دان سلامة داخرة.

الحمدلله، کيت سکارغ دالم موسيم فرايان يايټ فرايان سمبون هاري کفزان ک- ٦٨ تاهون کباوه دولي يغ مها فادک سري بکندا سلطان دان يغ دثرتوان نکارا بروني دارالسلام، راج يغ کيت کاسيهي دان طاعني.

اد فون فرايان هاري کفزان بکندا ايت اداله سوات کراغن مليقوتي سموا مجلس دان اجارا، دانستان، دفاوغ دان ديوان ٢ سرت تمغه ٢ يغ داتورکن باکي ملغسوگکن.

اين مليتکن کباوه دولي يغ مها مليا سنديري دان قرابه دراج بکندا، مليتکن فمبر ٢ دان اورغ ٢ کنامان، مليتکن فکاوي ٢، کاکيتاغن کراجان دان سواستا، مليتکن کورو ٢ دان مريد سرت فنتوت، مليتکن ففهلو ٢، کتوا ٢ کمفوغ دان ائق بواه مريک، مليتکن سموا يغ مغنحورکن برباکي اجارا ددائرة ٢ دان ايپو نکارا.

قد اصلن، سسوات سمبون هاري کفزان، هاري کلاهيران اتو يغ دسبوت هاري جادي دان " Birthday " ايله اتوق مپاتکن ککميران کران دلنجوتکن اوسيا. دالم سمبون دان فرايان هاري کفزان راج يغ کيت سنحوغ دان کاسيهي اين ککميران کيت ايله دالم معني کشکوران کحضرة الله سبحانه وتعالى يغ تله ملنجوتکن اوسيا بکندا دالم کادان صيحه عافيه دان بهکيا سجهزا دتغه ٢ قرابه دراج بکندا، دتغه ٢ رعية دان فندودوق، مميقين دان منراجوي کراجان سرت نکارا. بکنداله راج دالم معني اولی الامر کيت دالم برکراجان دان برنکارا.

سسوي دغن راس کشکوران ايت مک کيت مندعاءکن سموک الله سبحانه وتعالى ملنجوتکن اوسيا بکندا دالم ايمان دان تقوی، صيحه عافيه، امان بهکيا، ککل قرار مريته کراجان نکارا بروني دارالسلام دباوه عنايه دان فتنجوق الله سبحانه وتعالى.

مسلمين يغ درحمي الله،

دالم معني کشکوران ايت جوک اتورجارا يغ برسواين تله درنجوتکن يايټ کيرغکن بکندا باکي مجلس برسام رعية دسموا دائره. اين مميري کسمقاتن کفد سکف لافيس رعية دان فندودوق اتوق مپمپهکن تهته هاري کفزان کفد بکندا سجارا لغسوغ سماء دغن لفظ سمبه تهته اتو هاتي کيت مميسيقکن دغن راس ترما کاسيه سرت طاعة، دغن راس شکور سرت کمبرا. کيت سسغکوھن مغاتکن بهوا کيت مپنجوغ تيغکي بکندا، لالو مندعاءکن بکندا اتوق سنتياس دالم رعايه دان عنايه الله سبحانه وتعالى.

بکندا سنتياس مدولي حال احوال کيت سدغ کيت تيدق دافه مبالس کسموان ملاينکن دغن مندعاءکن بکندا.

سلاين ايت، تردافه جوک اجارا ٢ برنتوق هيپوران يغ مروفاکن تندا ککميران دالم اريکات کراغيان ايت. تننوله اي هيپورن يغ برسواين اتو سکورغ ٥٢ دالم باتس کسوفتن مشارکه کيت يغ برقکغ کفد نيلاي ٢ اخلاق يغ برسندرکن اکام.

دالم ماس يغ سام کيت برهاف سمبل منصبيحتي کفد سکلين يغ اکن منعماي هيپوران ايت واجبله مغاول ديري سفاي برهيپور دالم باتس ٢ يغ لايق. جاغن لالي الفا ترهادف کواجغن اکام، خاصن عبادة فرض عين. جاغن سمفي منجسکن کواجغن دان تغکوغجواب فکرجان دان توکس جواتن، جاغن سمفي جوي ترهادف فلاجران باکي مريد ٢ دان فنتوت. باکي ايوباف قول جاغن سمفي مندولور اتو ملفسکن تغکوغجواب ککلوارکان تراوتامن کفد ائق ٢ رماج.

سسغکوھن دالم سموا حال ترماسوق فرايان سمبون هاري کفزان، کيت اداله دايعتکن اوله الله سبحانه وتعالى دغن فرمانن دالم سورة التحريم آية ٦:

تفسير:

واهي اورغ ٢ يغ برلمان! فليهاراله ديري کامو دان کلوارک کامو درفد افي نراک يغ باهن باکران ايله مانسي (اورغ کافر) دان باتو ٢ برهالا، فنجاکن ايله ملائکه ٢ يغ کاسر لاکي کرس لايئنن، مريک تيدق مندرهاک کفد الله ترهادف اف جوا يغ دفرينتهکن کفد مريک دان مريک قول تنف ملاکوکن اف يغ دفرينتهکن.

مسلمين يغ درحمي الله،

فرلو کيت ايعه بهوا سمبون هاري کفزان کباوه دولي يغ مها مليا فادک سري بکندا سلطان دان يغ دثرتوان نکارا بروني دارالسلام اداله سبهاکين درفد اجيندا کبغسان کيت باکي مغوکوهکن سیستم فمريتتهن براج دنکارا اين.

باکي کيت دبروني اريکات براج ايت سارتي دغن معني خليفه، يايټ فغکنني دان فلنجوت فمريتتهن نبوي يغ برلندسکن القران، الحديث دان اجماع. راج ايت کيت کلر سلطان يغ مباوا معني فغواتکواس کعاديلن حکوم يغ برسوميرکن اجارن الله دان رسولن. سزوسن راج بوله دارتيکن سباکي الإمام يغ مباوا مقصود کفيميقين دان کتلادن.

مک دالم مرايکن سمبون هاري کفزان بکندا، کيت هندقله سنتياس مغايغتنکن اتوق مفرکوکوهکن سیستم براج يغ کيت واريسي توروون توروون ايت. سلاين دغن دعاء هندقله جوک دغن اوسها يغ برسواين ترماسوقله ميمارقکن دان مرغسکن فراسان براج دهاتي دان سانوباري کيت خاصن کانق ٢ سکوله، مريد ٢ دان فنتوت ٢ سرت جنراسي مودا.

کران ايتله، دالم کيت برکميرا دموسيم فرايان اين هندقله تروس برهاتي ٢ دان برسفادا. کيت بوکن سهاج فرلو مليهارا کسلامتن دان کسجهزان ديري دان کلوارک کيت، کيت جوک برتغکوغجواب منجاک کسلامتن دان کسجهزان بغسا دان نکارا.

کسجهزان دان کسلامتن ايت ترماسوقله کبهکيان هيدوف يغ سينر ٢، يغ ترلقس دري کناکوتن دان کيت سکلين برأوله کنتزامن. سام ٢ له کيت بردعاء سموک کيت سموا مندافه کسجهزان، کسلامتن دان کنتزامن يغ برککلن سرت دجاوهکن دري عذاب الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

مک اداکه فندودوق سسبواه نکري ايت مراس امان درفد داتغن سيقسا کامي کانس مريک فد مالم هاري سماس مريک سدغ تيلور؟ اتو اداکه فندودوق سسبواه نکري ايت مراس امان درفد داتغن سيقسا کامي کانس مريک فد وقت ضحي (متهازي نايک) سماس مريک سدغ ليکا برماین؟ اتو اداکه مريک مراس امان درفد داتغن عذاب الله يغ تيدق دسغکا ٢؟ مک سسغکوھن تيدق اد يغ مراس امان درفد داتغن عذاب الله يغ تيدق دسغکا ٢ ايت ملاينکن قوم يغ روکي. اتو اداکه يغ دمکين ايت بلوم جلس کفد اورغ ٢ يغ موارثي سسبواه نکري سسوده فندودوقن بيناس بهوا کالو کامي مغهندي تننو کامي اکن منيمفاکن مريک دغن عذاب دسبيکن دوسا مريک دان کامي کونجي ماتي هاتي مريک سبهگ مريک تيدق دافه مندغر نصيحه ٢ فغاگران.



KETUA Jurulatih Filipina, Fraser James David ... Gembira setelah berjaya memperolehi kemenangan pertama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Ogos. - Filipina berjaya merakamkan kemenangan sulung setelah berhasil mengalahkan Timor-Leste dengan jaringan 3-1 di Padang dan Balapan Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Filipina cipta kemenangan sulung

Oleh : Mohammad Arif Matali

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hernie Suliana Haji Othman

Pada separuh masa pertama Timor Leste bermula garang seawal minit ke-9, apabila pemain jersi 6, Marcos Morais Gusmo hanya berdepan dengan penjaga gol Filipina setelah menerima lorongan cantik pemain tengah, namun rembatannya lemah dan mudah didakap penjaga gol, Deyto, Patrick Phillip Bravo.

Kecekapan Fagio Augusto akhirnya dibolosi juga apabila bola yang dirembat Besana, Mark Anthony terkena salah seorang pertahanan Timor-Leste dan bola melambung melimpasi penjaga gol untuk Filipina mendahului 1-0 pada minit ke-35.

Baru pun aksi babak kedua empat minit dimulakan, Filipina berhasil lagi membolosi gawang Timor-Leste, kini menerusi rembatan ke kiri gawang Cheng, Jaime Vincenzo yang dengan mudah memperdayakan penjaga gol, hasil lorongan cantik dari pemain tengah Filipina untuk kedudukan menjadi 2-0 pada minit ke-49.

Timor-Leste cuba untuk mengimbangi permainan dengan membuat berapa pertukaran pemain untuk membantu jentera serangan, akhirnya strategi itu berhasil bila mana Timor-Leste berhasil memperolehi

jaringan pertama pada minit ke-59 melalui rembatan kencang dari luar petak 'D', Marcos Morais Gusmao setelah menerima hantaran rakannya.

Meskipun perlawanan babak kedua hanya beberapa minit ditamatkan, Timor-Leste dikejutkan lagi dengan jaringan ketiga Filipina menerusi tandukan pemain gantian jersi 13, Uzoka, Kennedy Venida setelah menerima umpanan daripada sepakan sudut rakannya pada minit ke-86.



DUA pemain cuba merebut bola pada perlawanan antara Filipina dan Timor-Leste.

Perlawanan kekal 3-1 sehingga wisel penamat ditiupkan oleh pengadil perlawanan dari Singapura, Jansen Foo.

Ketua Jurulatih Timor-Leste, Koga Takuma, memuji barisan pemainnya dan menganggap yang pasukannya sudah melakukan sebaik mungkin dalam perlawanan ini tetapi nasib tidak menyebelahi mereka.

"Pemain bermain sangat baik dalam separuh masa pertama dan kedua dengan beberapa serangan berbahaya, namun tidak juga menafikan yang rangkaian penyerangnya banyak mempersia-siakan beberapa peluang



KETUA Jurulatih Timor-Leste, Koga Takuma ... Nasib tidak menyebelahi pasukannya.

keemasan depan pintu gol lawan bagi membuat jaringan," ujarnya pada Sidang Media.

Sementara itu, jurulatih Filipina pula menyatakan perasaan gembiranya setelah berjaya memperolehi kemenangan pertama hasil dari tiga perlawanan yang sudah dilalui pasukannya.

Katanya, anak buahnya sedaya upaya meneruskan perlawanan, dengan mempertingkatkan lagi corak permainan dan memperbaiki segala kelemahan yang ada apabila bertemu dengan pasukan Myanmar nanti.

Pasukan Indonesia tersingkir lebih awal



KETUA Jurulatih Pasukan Viet Nam, Guillaume Graechen ... Kemenangan sangat penting buat pasukan kami. Corak permainan cantik saja tidak memadai jika tidak memberi sebarang mata.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Hajat pasukan Bola Sepak Republik Indonesia untuk mara ke

peringkat akhir tidak kesampaian apabila lebih awal tersingkir di peringkat Kumpulan 'B' untuk mara ke separuh akhir selepas tewas kepada pasukan Viet Nam 3-1 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Anak buah Indra Syafri yang memulakan persaingan peringkat kumpulan dengan lembab apabila berkongsi mata tanpa jaringan dengan pasukan Malaysia sebelum dimalukan oleh pasukan Negara Brunei Darussalam 1-3.

Ketika pasukan Garuda Muda mengintai peluang untuk bangkit mencari kemenangan sulung namun pasukan Viet Nam pula menjadi penghalang harapan mengunung itu sekalipun mendapat suntikan semangat lebih daripada lima ribu penyokong warga Indonesia.

"Pemain-pemain bagi kehilangan moral selepas tumpas kepada pasukan tuan rumah dan usaha pemain-pemain untuk bangkit tidak berhasil apabila pasukan Viet Nam memberi cabaran yang lebih baik," jelas Ketua Jurulatih,

Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Pg. Haji Mohd Fawzy bin Pg. Haji Ahmad

Indra Syafri pada Sidang Media.

Beliau mengakui anak buahnya gagal memanfaatkan beberapa peluang terhidang malah pemain-pemain juga gagal mengawal emosi semasa menerima tekanan lawan.

Skuad Indonesia juga terpaksa menyalahkan diri sendiri apabila meletakkan penjaga gol, Ravi Murdianto membuat kesilapan yang berjaya dimanfaatkan oleh Luong Xuan Truong seawal minit ke-5 menerusi sepakan percuma.

Nguyen Phong Hong Duy mengambil giliran untuk menghukum kesilapan Ravi apabila penyerang itu bijak memanfaatkan hantaran pendek dalam kotak penalti untuk membolosi gawang Indonesia pada minit ke-36.

Indonesia yang tidak mahu mengalah bagi bangkit dari lena tetapi skuad muda itu terperangkap apabila gagal membendung asakan balas

Viet Nam pada minit akhir babak pertama menerusi ketua pasukan Viet Nam, Nguyen Cong Phuong untuk kedudukan 3-0.

Bagaimanapun, Indonesia berjaya mendapat jaringan saguhati pada minit ke-80 menerusi pemain gantian, Septian David Maulana tetapi kebangkitan pasukan itu tidak cukup untuk sekurang-kurangnya berkongsi jaringan.

"Kemenangan sangat penting buat pasukan kami. Corak permainan cantik saja tidak memadai jika tidak memberi sebarang mata," jelas Ketua Jurulatih Viet Nam, Guillaume Graechen.

Menurutnya, pemain-pemainnya semakin yakin berdepan dengan cabaran dari pasukan Indonesia, di samping bijak menggunakan peluang untuk mencipta jaringan.

Beliau berharap anak buahnya



KETUA Jurulatih Pasukan Indonesia, Indra Syafri ... Pemain-pemain bagi kehilangan moral selepas tumpas kepada pasukan tuan rumah dan usaha pemain-pemain untuk bangkit tidak berhasil apabila pasukan Viet Nam memberi cabaran yang lebih baik.

akan dapat meneruskan momentum aksi terbaik untuk perlawanan seterusnya pada peringkat kumpulan.



WARGA Viet Nam memberikan sokongan kepada pasukan negara tersebut.



AKSI dua pemain pada perlawanan antara Viet Nam dan Indonesia.

Thailand iringi Myanmar ke separuh akhir

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohiddin



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Ogos. - Pasukan Thailand kini akan mengiringi pasukan Myanmar ke saingan separuh akhir Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) 2014 bagi Kumpulan 'A' selepas menundukkan Laos, 3 - 1. Dengan kemenangan tersebut, Thailand kini mengutip 9 mata bersama dengan Myanmar yang mana pasukan Myanmar berbaki satu lagi perlawanan dalam Kumpulan 'A'.



PEMAIN simpanan, Boonkerd Chaichasin, (jersi 25 merah) cuba melepaskan bola dari tiga pertahanan pasukan Laos.

di atas palang.

Tetapi Thailand tidak hampa dengan serangan yang dilancarkan apabila pada minit ke-37 tendangan kencang dari Montree Promsawat gagal ditangkap kemas dan muntahan bola itu terus disepak masuk oleh Montree, ia berpunca dari hantaran lintang rakan sepasukan Nopphon Phonkam dari kanan gawang.

Kedudukan terikat 1 - 1 kekal hingga tamat separuh masa pertama, bersambung babak masa kedua Thailand lebih menguasai perlawanan dengan membuat beberapa percubaan, namun belum berjaya menembusi gawang Laos.

Gol kedua Thailand tercipta melalui sepakan penalti pada minit ke-76 yang disudahi oleh Natapol Yangcharoen setelah rakan sepasukannya Patipan Pinseramsootsri dijatuhkan oleh penjaga gawang Laos dalam kawasan 'D'.

Serangan yang bertali arus Thailand tidak tersia apabila pada minit ke-87 sepakan Nopphon Phonkam terlepas daripada dakapan penjaga gawang Laos dan terus dirembat masuk oleh Nopphon Phonkam bagi gol ketiga Thailand.

Bagi mengukuhkan jentera serangan kedua-dua pasukan membuat beberapa pertukaran pemain tetapi usaha itu gagal mencapai hasrat untuk menambah gol sehingga pengadil memberi masa tambahan tiga minit untuk kedua pasukan mengubah kedudukan tetapi gagal sehingga tamat perlawanan.



KETUA Jurulatih Thailand, Sasom Pobprasert (kiri) dan Pengurus Pasukan Laos, Veunsavanh Svisay (kanan) hadir pada Sidang Media selepas perlawanan.

Ketua Jurulatih Thailand, Sasom Pobprasert pada Sidang Media sejurus selepas perlawanan menjelaskan bahawa beliau masih tidak berpuas hati pada persembahan anak buahnya walaupun mereka menang pada perlawanan tersebut.

"Setentunya, kita tidak akan dapat memberikan prestasi yang baik sepanjang masa dalam setiap perlawanan," jelasnya.

Ketika ditanya pasukan manakah yang ingin ditemui pada saingan separuh akhir nanti, beliau menjelaskan bahawa adalah sukar untuk dijangkakan ketika ini kerana pasukan-pasukan seperti Kemboja dan Malaysia termasuk Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam merupakan pasukan yang kuat.

Sementara itu, Pengurus Pasukan Laos, Veunsavanh Svisay pula berkata, pasukannya mempunyai matlamat iaitu untuk masuk ke

pusingan separuh akhir kejohanan sebelum memulakan perlawanan, namun perkara itu bergantung kepada prestasi pemain-pemain.

Dalam perlawanan menentang Thailand ini, jelasnya, pasukan Laos kekurangan dua pemain pertahanan akibat digantung sementara daripada perlawanan, justeru itu bahagian pertahanan pasukannya sedikit lemah.

Jika dibandingkan teknik permainan antara anak buahnya dengan pemain pasukan Thailand, beliau berkata pemain Thailand lebih mempunyai kemahiran yang baik dan taktik yang dilakukan oleh pemain Laos adalah kurang memuaskan.

Beliau juga melahirkan harapan agar dapat meningkatkan prestasi pemain-pemainnya untuk kejohanan yang akan datang dan berharap perlawanan terakhir dengan Timor-Leste nanti, anak buahnya dapat menunjukkan persembahan yang baik.

Malaysia hampakan Singapura 3-0



KETUA Jurulatih Malaysia, Mohammed Razip Ismail bercakap pada Sidang Media. Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Bolehkah Malaysia kekalkan rekod tanpa kalah pada Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) Belia ASEAN 2014 dalam Kumpulan 'B' apabila menentang Brunei Darussalam Isnin ini.

Malaysia menang selesa ke atas Singapura 3-0 dalam Kumpulan 'B' di Padang dan Balapan Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Dengan kemenangan itu, persaingan masih terbuka bagi mencari pasukan mana yang akan melepasi peringkat kumpulan dan seterusnya beraksi ke perlawanan separuh akhir.

Kedua-dua pasukan bermain seimbang dalam separuh masa pertama dengan Malaysia lebih awal membolosi gawang Singapura pada minit ke-6, melalui pemain jersi 18, Nurshamil Abd. Ghani, dengan mudah menolak masuk bola ke gawang lawan setelah berlaku pergelutan di depan pintu gol.

Malaysia sekali lagi mengasak kubu Singapura pada minit ke-24, setelah rembatan dari luar petak 'D', Mohd. Afiz Fazail tersasar sedikit ke kanan

Oleh :
Mohammad Arif Matali

gawang, walaupun penjaga gol, Md. Neezam Abdul Aziz sudah tertewas.

Singapura cuba untuk mengimbangi permainan dan cuba mengatur permainan namun jentera serangan yang tumpul nyata menghampakan mereka, kedudukan 1-0 Malaisia kekal sehingga babak pertama berakhir.

Pada separuh masa kedua, Singapura berhasil membolosi gawang Malaysia, menerusi Md. Syafiq Md. Zainal, namun jaringannya dibatalkan pengadil setelah terlebih dahulu berada dalam kedudukan *offside*.

Jurulatih Malaysia, Mohammed Razip Ismail, mengubah corak permainan pasukannya, dengan memasukkan pemain gantian, Muhammad Syafwan Syahlan dan Mohd. Asri Mardzuki bagi menggerakkan jentera hadapan.

Percaturan Malaysia berjaya dan mereka berhasil lagi menambah jaringan menjadi 2-0 kali ini melalui pemain penyerangnya Mohammad Ramzi Sufian yang melakukan penyudah kemas ke gawang kiri Singapura hasil hantaran lintang pemain sayap kanan.

Permainan nyata menjadi milik Malaysia apabila pada minit ke-80, Mohammad Ramzi Sufian sekali lagi menjadi wira buat pasukannya, dengan jaringan ketiga dan kedua peribadinya dalam perlawanan ini setelah menanduk masuk bola hasil hantaran lintang rakannya untuk kedudukan kekal 3-0 hingga tamat perlawanan.

Ketua Jurulatih Malaysia, Mohammed Razip Ismail pada Sidang Media sejurus selepas

perlawanan menjelaskan bahawa beliau rata-rata berpuas hati dengan permainan anak didiknya bukan saja dalam perlawanan itu tetapi juga sepanjang kejohanan ini berlangsung.

Namun beliau tidak mahu terlalu awal mendabik dada yang pasukannya kini berada dalam kedudukan selesa untuk melangkah ke peringkat seterusnya.

"Kedudukan empat pasukan dalam carta dilihat masih terbuka dan mempunyai peluang untuk melangkah ke peringkat seterusnya, namun pasukannya akan cuba untuk meneruskan kemenangan apabila bertemu dengan pasukan tuan rumah nanti," jelasnya.

Sementara itu, Jurulatih Singapura, Bok Kok Chuan pula berkata, harapan pasukannya kini sudah berakhir pada kejohanan ini, tetapi beliau masih menaruh harapan terhadap pasukannya untuk sekurang-kurangnya beroleh satu mata dalam perlawanan terakhir nanti.

Beliau yang buat pertama kali menjadi jurulatih belia Singapura tidak menafikan bahawa teknik permainan anak buahnya dengan pasukan-pasukan yang bertanding dalam kejohanan ini lebih menyerlah dan menyakinkan dari segi teknik dan kemahiran namun akan terus berikrar akan memperbaiki permainan dan kelemahan anak didiknya bagi membuat persiapan dalam kejohanan di masa akan datang.

Perlawanan terakhir dalam peringkat kumpulan akan menemukan Brunei menentang Malaysia, Indonesia bertemu Singapura dan Kemboja melawan Viet Nam pada 18 Ogos ini.

Kemboja kecewakan Indonesia 2-1

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Ogos. - Kemboja kini berpeluang mengisi satu slot untuk mewakili Kumpulan 'B' pada Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Trofi Hassanal Bolkiah Ke-5 2014 setelah mengalahkan Indonesia 2-1 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Perlawanan bermula lembab namun setelah 20 minit perlawanan Indonesia menampakkan kebolehnya untuk menguasai permainan tetapi banyak peluang keemasan tidak menembusi gawang Kemboja malah pada minit ke-21 gol Sok Sovan dengan tandukan cantik setelah menerima hantaran dari tepi rakannya yang gagal diselamatkan penjaga gawang Indonesia, Awan Setho Raharjo untuk Kemboja mendahului 1-0.

Gol Indonesia hanya terjadi pada minit ke-40 juga melalui tandukan oleh M. Dimas Drajad dengan menanduk bola yang melantun dari palang ekor percubaan rakanya, penjaga gawang Kemboja, Um Vichet tidak dapat berbuat apa-apa selain menyaksikan gawangnya bolos.

Empat minit kemudian Kemboja sekali lagi menggegar gawang Indonesia, kali ini bola hantaran ke dalam petak 'D' sempat dirampas oleh Prak Mony Udom sebelum Awan Setho berjaya menangkap menjadikan kedudukan 2 Kemboja dan 1 Indonesia.



ANTARA aksi semasa perlawanan di antara Kemboja menentang Indonesia. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

Pada babak kedua perlawanan Indonesia terus menguasai permainan dengan beberapa kali mempunyai peluang bagi menyamakan jaringan khususnya pada minit ke-55 tetapi tersasar sedikit dari pintu gawang.

Peluang keemasan bagi Indonesia untuk menyamakan kedudukan hadir lagi pada minit ke-73 melalui tendangan percuma di luar petak 'D' setelah Maldini dikasari, sepakan yang diambil Evan Dimas Darmono melambong tinggi di atas palang gawang Kemboja.

Keputusan 2-1 ini berlarutan hinggalah tamat perlawanan walaupun pengadil dari Thailand memberikan masa tambahan enam minit untuk kedua-dua pasukan berbuat sesuatu tetapi jaringan itu tetap kekal.

Sementara itu, dalam temu bual selepas perlawanan Ketua Jurulatih Kemboja, Lee Tae Hoon gembira dengan keputusan tetapi tetap bimbang dengan perlawanan terakhir

pasukannya menentang Viet Nam nanti.

Katanya, empat pasukan dalam Kumpulan 'B' mahukan kemenangan untuk melayakkan diri ke pusingan separuh akhir, kami hanya ada masa sehari untuk berehat sedang pemain sudah keletihan kerana jadual perlawanan yang ketat.

Tambahnya, Indonesia pasukan kuat malangnya kesemua perlawanan mereka tidak menentang anak buah Indra Syafri kerana kebanyakan mereka mengawal permainan tapi akhirnya Indonesia kalah jua.

Menurutnya, perlawanan menentang Viet Nam nanti memang sengit kerana kedua-dua pasukan mahukan kemenangan dan perkara itu sedikit sukar bagi Kemboja kerana Viet Nam pasukan kuat setakat ini.

Ujarnya, jika layak ke separuh akhir nanti Thailand sudah pasti menanti anak buahnya dan inilah yang membimbangkan pasukannya.

Persahabatan Brunei - Indonesia kukuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono serta kerajaan dan rakyat Republik Indonesia sempena dengan Hari Kebangsaan Ke-69 Republik Indonesia.

Di dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan rasa kesyukuran dan setinggi-tinggi penghargaan terhadap segala sumbangan dan hubungan mesra yang dicapai di antara kedua-dua buah negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga persahabatan dan silaturahmi yang sudah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia akan terus berkekalan dan dapat lagi dipertingkatkan dan dikukuhkan di peringkat dua hala dan serantau bagi kepentingan bersama di masa-masa akan datang.

Kebawah DYMM berserta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam seterusnya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono serta kerajaan dan rakyat Republik Indonesia sempena dengan Hari Kebangsaan Ke-69 Republik Indonesia.

menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Tuan Yang Terutama dan Datin Ibu Hajah Ani serta keluarga dan semua



rakyat Republik Indonesia dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga TYT dan keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat

walafiat dan dalam perlindungan-Nya juga dan bagi rakyat Republik Indonesia sentiasa menikmati keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. R.M Marty M. Natalegawa sempena Hari Kebangsaan Ke-69 republik berkenaan dan mengucapkan tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat republik berkenaan.

Dalam perutusan tersebut Duli Yang Teramat Mulia melahirkan kegembiraan kerana dapat bertemu dengan TYT di Nay Pyi Taw baru-baru ini dan menghargai pandangan dan sumbangan yang telah diberikan.

Republik Indonesia, sabda DYT, telah lama menjadi rakan kongsi yang sangat berharga dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam dan berharap untuk terus mengukuhkan persahabatan muhibah dan mesra yang telah dikongsi oleh kedua-dua buah negara.

Di akhir sabda perutusan tersebut, DYT mengucapkan ucap selamat kepada TYT dan keluarga serta rakyat Republik Indonesia sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Aidilfitri.

Jalankan tugas dengan jujur, ikhlas

Dari muka 1

Yang Berhormat melahirkan keyakinan bahawa kecemerlangan dapat ditampilkan sekiranya sikap amanah dan ikhlas bekerja menjadi asas di dalam pekerjaan selain harus sentiasa ingat bahawa penjawat awam memikul tanggungjawab besar kerana bekerja untuk negara dan demi kepentingan awam.

"Tanggungjawab yang dipikul mestilah berpaksikan kepada amanah dan menuntut untuk kita berlaku ikhlas dan jujur di dalam segala perbuatan dan pekerjaan di dalam merealisasikan misi dan visi negara," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, semangat muhibah dan permuafakatan perlu terus dikekalkan kerana itulah yang akan menjadi tunjang kekuatan dan memupuk semangat kerja berpasukan atas landasan kesejahteraan, harmoni dan akan dapat menghasilkan pekerjaan dengan penuh kecekapan.

Dengan adanya semangat permuafakatan Yang Berhormat berharap kesefahaman dan kerjasama di antara semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan di Daerah Temburong akan dapat memastikan pengawasan dan pelaksanaan setiap projek yang dijalankan di daerah ini dibuat dengan baik.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada dua orang kakitangan jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang kurang berkemampuan, disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pada majlis itu, Yang Berhormat berpeluang untuk beramah mesra bersama para pegawai dan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014, berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Rancangan Perumahan

kakitangan dari cawangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang ada di daerah ini iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur, Jabatan Tanah, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Selain sebagai aktiviti tahunan Kementerian Pembangunan bersempena Hari Raya Aidilfitri, majlis juga diadakan bagi menyemai rasa tanggungjawab dalam golongan pegawai dan kakitangan di Kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya di daerah ini serta mengeratkan lagi silaturahmi di antara mereka selain sebagai tanda pemedulian terhadap warga kementerian berkenaan yang memerlukan pemedulian.

Penutupan jalan semasa Majlis Junjung Ziarah

TUTONG, Sabtu, 16 Ogos. - Majlis Junjung Ziarah Bersama Rakyat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun Bagi Daerah Tutong akan diadakan pada hari Selasa, 23 Syawal 1435 Hijriah bersamaan 19 Ogos 2014 Masihi.

Sehubungan itu, beberapa jalan raya akan ditutup semasa keberangkatan baginda bercemer duli ke majlis tersebut.

Pegawai Lalu Lintas Daerah Polis Tutong, P/ASP Dayangku Nor Azriani binti Pengiran Anuar menyatakan perkara tersebut semasa Sidang Media yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Johan Pahlawan, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong.

Menurutnya, jalan-jalan yang akan ditutup pada hari tersebut adalah Jalan Sungai Basong iaitu bermula pada simpang masuk Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong sehingga simpang TelBru; Jalan simpang masuk ke Dewan Kemasyarakatan hingga pusing keliling Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan dari pusing keliling tersebut menghala ke Jalan Pengiran Ahmad.

Penutupan jalan tersebut, jelasnya, akan bermula dari pukul 7.00 pagi hingga acara pada hari tersebut selesai dijalankan.

Oleh yang demikian, pemandu-pemandu jalan raya yang tidak mempunyai pas kenderaan hendaklah menggunakan jalan-jalan alternatif yang tidak ditutup dan adalah diingatkan supaya sentiasa mengambil kewaspadaan dan bersikap tolak ansur semasa berada di jalan raya demi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan.

Menurutnya, beberapa anggota Pasukan Polis Diraja Brunei akan berada di lokasi penutupan jalan tersebut bagi membantu para pemandu menunjukkan jalan-jalan yang boleh dilalui dan orang ramai adalah dinasihatkan mematuhi arahan yang diberikan oleh anggota-anggota polis yang bertugas.

Bagi jemputan-jemputan khas yang dijemput menghadiri majlis tersebut disarankan agar menunjukkan kad-kad pas kenderaan yang telah dikeluarkan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan majlis itu untuk memudahkan anggota-anggota polis bertugas memberi laluan bagi mereka meletakkan kenderaan mereka mengikut tempat yang dinyatakan pada pas tersebut.

Kepada jemputan-jemputan khas, beliau menasihatkan agar hadir sebelum pukul 8.00 pagi sebelum jalan benar-benar ditutup bagi sebab-sebab keselamatan dan kelancaran acara pada hari itu nanti dan jumlah lekat kereta adalah amat terhad.

Pas-pas yang telah dikeluarkan dan tempat letak kereta adalah; pas letak kereta VIP ialah sepanjang jalan depan Taman Warisan Emas; pas letak kereta 'A' (Jemputan Bahagian III) tempat letak keretanya ialah di kawasan tanah lapang berdekatan Kompleks Dewan Kemasyarakatan;

pas letak kereta 'B' (Ahli Jawatankuasa dan Urusetia Majlis Ramah Mesra dan Jemputan Bahagian III) ialah di kawasan tanah lapang bekas tamu lama berdekatan bangunan DBP Tutong; pas letak kereta 'C' (pengurus-pengurus / penghulu-penghulu mukim / ketua kampung / ketua rumah panjang) ialah di kawasan Padang Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Pas Sementara adalah bagi kemudahan pengangkutan memungggah sahaja.

Dalam hubungan ini, orang ramai dinasihatkan agar berkongsi kenderaan dan datang lebih awal bagi meletakkan kenderaan mereka di tempat selamat yang dikhususkan dalam keadaan berkunci dan tidak meletakkan barang-barang yang berharga di tempat yang boleh dilihat bagi mengelak perbuatan jenayah berlaku.

Pemandu-pemandu kereta tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di sepanjang Jalan Pengiran Ahmad mulai simpang jalan depan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong hingga ke jalan masuk Sungai Basong iaitu simpang masuk Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas berlaku di kawasan tersebut terutama bagi kenderaan-kenderaan pasukan-pasukan keselamatan.

Kereta-kereta yang didapati tidak mengikuti arahan akan dipindahkan dan diambil tindakan kepada pemandunya.

Dalam kesempatan tersebut pihak polis menasihatkan orang ramai untuk memastikan rumah-rumah yang ditinggalkan berada dalam keadaan selamat berkunci dan semua harta benda mereka disimpan di tempat yang selamat, di samping pihak polis akan sentiasa meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan perumahan dan tempat-tempat yang sering berlaku kegiatan jenayah.

Orang ramai juga disarankan untuk meningkatkan kewaspadaan dan tidak leka semasa sama-sama merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun pada tahun ini.



PETA menunjukkan penutupan jalan bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-68 Tahun Bagi Daerah Tutong.

RAJA PEMEDULIAN BAWA KESEJAHTERAAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.